

Jilid I
Bil. 57



Hari Isnin
24hb Januari, 1972

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 6423]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1972 Jawatankuasa Perbekalan—

Kepala² B. 18 dan B. 19 [Ruangan 6456]

Kepala² B. 15, B. 16, B. 36, B. 37 dan B. 38 [Ruangan 6487]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 24hb Januari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).**
- „ **Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).**
- „ **Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).**
- „ **Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).**
- „ **Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).**
- „ **DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).**
- „ **TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).**
- „ **PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).**
- „ **DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).**
- „ **DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).**
- „ **CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).**
- „ **TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).**
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).**
- „ **TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).**
- „ **TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).**
- „ **TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).**
- „ **TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).**
- „ **DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).**
- „ **TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).**
- „ **TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).**
- „ **TUAN V. DAVID (Dato Kramat).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN FAN YEW TENG (Kampar).**

Yang Berhormat DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).

Yang Berhormat TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI** (Kedah Tengah).
- „ **Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C.** (Ulu Rajang).
- „ **Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M.** (Kuala Kangsar).
- „ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P.** (Raub).
- „ **Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E.** (Johor Bahru Timor).
- „ **NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P.** (Kelantan Hilir).
- „ **DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K.** (Tumpat).
- „ **Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.** (Kuala Kedah).
- „ **DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S.,** (Payang).
- „ **TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN** (Melaka Selatan).
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR** (Kinabatangan).
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. UYONG** (Labuk-Sugut).
- „ **TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M.** (Sungei Patani).
- „ **TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N.** (Sarikei).
- „ **TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N.** (Jeraf).
- „ **TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.** (Johor Tenggara).
- „ **TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K.** (Alor Star).
- „ **TUAN PETER LO SU YIN** (Sandakan).
- „ **TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K.** (Sabah Dalam).
- „ **TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K.** (Kota Belud).
- „ **TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E.** (Marudu).
- „ **TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN** (Seberang Tengah).
- „ **DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K.** (Kota Kinabalu).
- „ **PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK** (Serian).
- „ **TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P.** (Krian Darat).
- „ **DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P.** (Menglembu).
- „ **PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA** (Kimanis).
- „ **TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K.** (Penampang).
- „ **DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S.** (Miri-Subis).
- „ **TUAN YEH PAO TZU, A.M.N.** (Tawau).
- „ **TUAN YEON TECK CHYE** (Bukit Bintang).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Tugas² Khas dari Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K.** (Di-lantek).
- „ **Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK** (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PERGANTONGAN JENTERA MAJLIS WHITLEY

1. Tuan V. David (*di-bawah S.O. 24 (2)*)
minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang rasa marah dan tidak puas hati di-kalangan kaki-tangan awam terhadap pergantongan Jentera Majlis Whitley; dan
- (b) sama ada beliau berchadang untuk meminda Jentera Majlis Whitley atau sama ada beliau dapat memberi jaminan dalam Dewan ini yang Majlis Whitley akan di-adakan sa-mula tanpa sa-barang halangan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) saya berpendapat perasaan tidak puas hati sa-patut-nya tidak timbul. Saperti saya pernah menjelaskan sa-masa sidang Parlimen penggal pertama dahulu Kerajaan baharu sahaja melaksanakan Laporan Surohanjaya di-Raja (Laporan Suffian) mengenai perubahan gaji dan syarat² perkhidmatan yang meliputi semua golongan pekerja² perkhidmatan awam dan Kerajaan berpendapat ada-lah lebih berfaedah di-laksanakan dengan segera-nya tangga-gaji dan syarat² perkhidmatan yang baharu itu daripada memulehkan jentera tersebut yang mempunyai tugas membinchangkan perkara² gaji dan syarat² perkhidmatan juga.

Walau bagaimana pun, pergantongan Jentera Whitley bukan-lah berma'ana perhubungan di-antara Kerajaan dan pehak pekerja²-nya terputus atau terbatas kerana dialog di-antara kedua² pehak untuk menyelesaikan masaalah² yang timbul dari sa-masa ka-samasa sa-chara pertemuan dan pesuratan maseh berjalan dengan baik.

- (b) Oleh kerana Majlis Whitley di-dapati tidak sesuai lagi, maka satu jentera perundingan yang baharu yang up-to-date lagi berkesan dan yang akan

dapat memberi perwakilan yang baik kepada semua perkhidmatan ada-lah di-fikirkan mustahak di-adakan untuk menggantikan Majlis Whitley ini.

Pihak kaki-tangan Kerajaan telah di-ma'alumkan dalam perkara ini sa-masa perjumpaan² dengan wakil² mereka dan telah bersetuju satu jentera yang baharu perlu di-susun.

Kertas chadangan mengenai jentera perundingan yang baru ini telah pun siap dan akan di-edar dalam masa dua minggu akan datang kepada Kesatuan² Sekerja untuk ulasan mereka sa-belum Kerajaan membuat keputusan.

Perkara ini telah pun di-ma'alumkan kepada pehak CUEPACS oleh Ketua Setiausaha Negara pada minggu lepas.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am sure the CUEPACS has made a lot of statements in respect to the Whitley Council. The Whitley Council machinery was established in the beginning to have a permanent dialogue not only on wages but even on the smooth operation of the Civil Service, that is, to have an understanding between the Government and the Civil servants. Is it not necessary to speed up the reconvening of the Whitley Council, or has the Government, as stated by the Honourable Prime Minister, made a move to replace this machinery? Then at least definite steps should be taken to re-establish this pattern of machinery to give an opportunity for the workers in the Civil Service to express their views. This is also very important in view of the Second Five-Year Malaysia Plan because Civil servants are the people who have to implement the Plan. We seek an assurance from the Prime Minister that immediate steps will be taken, and it is already now many months after the replacement of the N.O.C. and I see no reason why the Government should delay the establishment of this machinery.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan perkara ini dengan panjang lebar. Saya fikir sama ada Ahli Yang Berhormat itu ta' faham, atau pun dia sengaja tidak suka faham apa yang saya terangkan. Saya kata Majlis Whitley ini, kita sedang susun sa-mula dengan persetujuan pehak pekerja dan pehak CUEPACS

telah di-beritahu dalam dua minggu lagi sa-lewat²-nya peratoran baharu ini akan di-edarkan kepada mereka untuk mereka itu menimbangkan sa-belum Kerajaan membuat keputusan.

Saya fikir keterangan telah cukup jelas tentang hal ini.

KERANI² SEMENTARA—PENYE- RAPAN KA-JAWATAN² TETAP

2. Tuan V. David (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerani² Sementara yang telah di-serapkan ka-perjawatan² tetap baharu² ini telah mengalami kerugian gaji sa-hingga 30% yang mengakibatkan kerumitan kepada mereka yang berkenaan dan memandangkan kepada keadaan ini nyatakan sama ada beliau akan menyemak sa-mula syarat² perkhidmatan mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kedudukan itu, tetapi syarat² penyerapan atau pun conversion kerani² sementara itu telah pun di-pinda dan di-bawah syarat² baharu, susutan gaji sa-orang pegawai yang di-serapkan ka-jawatan tetap tidak akan lebih daripada 15% gaji bersejajir yang di-terima sa-belum di-serapkan. Walau bagaimana pun, saya suka menjelaskan bahawa sungguh pun mereka mengalami susutan gaji, mereka akan mendapat faedah² yang lebih baik yang tidak di-dapati oleh pegawai² sementara seperti kedudukan tetap dan faedah² persaraan termasuk penchen.

Lazim-nya pegawai² sementara menerima gaji yang lebih tinggi jika di-bandingkan dengan pegawai² tetap kerana syarat² bagi pegawai² sementara ada-lah lebih longgar dan jika sa-kira-nya mereka terus di-beri gaji yang sama sa-telah di-serapkan atau conversion, maka kedudukan mereka akan menjadi lebih baik daripada kedudukan pegawai² tetap yang di-lantek pada tarikh yang sama dengan mereka.

PERKECHUALIAN ASIA TENGGARA— PERATORAN PERTAHANAN

3. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan, memandang kepada satu berita dari Washington yang menerangkan bahawa

pakatan ANZUS (Australia, New Zealand dan Amerika Sharikat) telah bersetuju melateh askar² Kemboja untuk mereka mengambil alih serta mempergiatkan lagi aktibiti² mereka sa-telah Amerika Sharikat keluar daripada Vietnam, dan memandang kepada keazaman dan keyakinan Kerajaan Amerika untuk menjadikan pakatan ANZUS tiang kekuatan politik-nya dan keamanan di-rantau Pasifik, ada-kah aktibiti² ini akan merosakkan usaha Malaysia hendak menjadikan rantau Pasifik satu kawasan berkecuali dengan kuasa² besar menjauhkan diri dari champor tangan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, chadangan Malaysia ia-lah untuk perkechualian Asia Tenggara bukan bagi perkechualian dan kesetabilan kawasan Pasifik semua sa-kali. Sa-hingga sampai masa-nya perkechualian Asia Tenggara telah terlaksana, negara² di-kawasan ini ada-lah bebas untuk membuat peratoran² pertahanan dengan kuasa² luar. Ada-lah nyata bahawa apabila perkechualian terhapus keperluan terhadap peratoran² tentera sa-umpama itu tidak akan wujud.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah betul bahawa Malaysia dan juga negara² ASEAN, termasuk Amerika Sharikat mengatorkan satu bantuan ekonomi kepada Kerajaan Kemboja. Apa-kah sikap Malaysia atas amaran yang di-beri oleh Peking atas bantuan itu; sa-kira-nya menghendakkan pengakuan China Kominis atau pengechualian-nya, hendak-lah di-berhentikan bantuan yang tersebut?

Perdana Menteri: Saya fikir ini tidak ada kena-mengena dengan soalan ini langsung.

PASOKAN KESELAMATAN— BILANGAN TERBUNOH

4. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan ahli² Pasokan Keselamatan yang terbunuh dan chedera sa-masa menjalankan tugas oleh Penganas² Kominis di-Negeri Perak baharu² ini;
- (b) bilangan Penganas² Kominis yang di-bunuh dan di-tangkap oleh Pasokan² Keselamatan kita di-Negeri Perak; dan
- (c) bilangan orang² yang bersubahat yang sentiasa memberikan bantuan dan sokongan kepada penganas kominis

yang di-tangkap oleh Pasokan² Keselamatan kita di-Negeri Perak baharu² ini.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, semenjak pengganas² kominis bergerak di-negeri Perak mulai pada pertengahan tahun 1969, Pasokan Keselamatan telah bertempur sa-banyak 25 kali dengan musuh, mengakibatkan 17 orang ahli Pasokan Keselamatan terbunuh dan 35 terchedera. Pihak musuh telah mengalami 5 orang terbunuh dan beberapa orang lagi diperchayai terchedera mengikut kesan² darah yang di-dapati. Antara 52 orang ahli Pasokan Keselamatan yang mati dan chedera, kebanyakan-nya ada-lah akibat serang hendap dan parangkap samar pengganas² kominis dengan chara Vietkong.

Dalam tahun 1971, bilangan pertempuran yang berlaku di-antara Pasokan Keselamatan dan pengganas² kominis ia-lah sa-banyak 9 kali dan mengakibatkan 4 orang ahli Pasokan Keselamatan terbunuh dan 14 orang terchedera.

Dalam gerakan tindak balas yang di-lancarkan oleh Pasokan Keselamatan, dengan menggunakan bedilan² mariam, sa-kurang²-nya 4 orang pengganas kominis diperchayai terbunuh dan ramai yang lain chedera.

Semenjak pengganas kominis bergerak di-negeri Perak dalam pertengahan tahun 1969, mereka telah berlindung diri di-tengah² hutan dan kerap kali mengelakkan diri dari serangan² Pasokan Keselamatan, bukan sahaja untuk merahasiakan kedudukan mereka, tetapi juga untuk melindungi kerja² masa mereka. Sungguh pun begitu Pasokan Keselamatan telah berjaya memburu dan membunuh sa-ramai 5 orang pengganas kominis di-Tanah Hitam, Grik, sa-orang di-tangkap di-Selama dan dua orang lagi yang telah menerima latehan penganas kominis untuk bergerak di-kalangan masa juga telah di-tangkap.

Semenjak bulan Januari tahun 1971 sa-jumlah 7 gerakan telah di-lancarkan terhadap ahli² pertubuhan bawah tanah, orang² yang bersimpati dan penyokong² Pasokan Pengganas Komunis di-negeri Perak dan sa-ramai 160 orang telah di-tangkap. Usaha tangkapan ini juga telah membongkar tiga lagi gerakan bawah tanah yang terdapat

saperti Liga Pemuda Komunis Malaya (LPKM), Pemuda Demokratik Malaya (LPDM), Parti Gerakan Buroh (PPB), yang di-tubuhkan sa-mata² untuk memberi sokongan kapada Pasokan Pengganas Komunis di-hutan.

Dari jumlah 160 orang yang di-tangkap, 39 orang di-tahan di-bawah Perintah Tahanan. 31 orang telah di-bebaskan di-bawah Perintah Tahanan Terhad. 67 orang telah di-bebas tanpa sharat dan 23 orang maseh lagi di-dalam tindakan.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sir, has the Government studied in detail the reasons for the worsening of the Communist situation

Tuan Yang di-Pertua: Chuba berchakap dalam bahasa Kebangsaan!

Tuan Loh Jee Mee: Dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh berchakap dalam bahasa Kebangsaan?

Tuan Loh Jee Mee: Saya akan chuba, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak chuba, bila lagi hendak chuba!

Tuan Loh Jee Mee: Ada-kah Kerajaan memereksa sa-penoh²-nya sebab² situasi kominis di-kawasan² di-negeri Perak bertambah burok berikutan dengan tamat-nya Sa-puluh Tahun Dharurat?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ini tidak ada kena-mengena dengan soalan yang asal.

MAHASISWA—TUJUAN BERKUMPUL

5. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah tujuan 1,000 orang mahasiswa berkumpul di-Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur, pada 14hb Jun, 1971, dan apa-kah tuduhan yang di-kenakan kapada mereka yang di-tangkap dan kemudian-nya di-dapati bersalah.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sa-patut-nya di-jawab oleh Menteri Pelajaran, tetapi boleh juga saya menjawab-nya.

(a) Mahasiswa itu berkumpul beramai² kerana menunjukkan perasaan sympathy terhadap kaum Muslimin di-Selatan Thailand yang mereka anggap telah di-aniayai oleh Kerajaan Thailand.

(b) Mereka² yang di-tangkap itu di-hadapkan ka-Mahkamah di-bawah seksyen 147 Kanun Keseksaan kerana menjadi ahli di-dalam perhimpunan haram.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa Kerajaan kita membuat tindakan dengan menangkap pelajar² kita yang mengadakan tunjok perasaan itu, sedangkan mereka menunjukkan perasaan ada-lah dengan satu pemikiran, ia-itu pendapat mereka simpati kepada orang² Islam di-Selatan Siam. Tidak-kah sa-baik² jalan yang di-ambil oleh Kerajaan ia-lah dengan memanggil beberapa orang daripada mereka bertemu dan bertukar² fikiran dengan pehak berkuasa, dengan tidak mengambil tindakan menangkap dan membawa mereka ka-mahkamah?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Fikiran² yang menyeleweng daripada undang² itu terpaksa di-ambil tindakan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidak-kah pelajar² kita menyuarakan fikiran² mereka bebas sa-bagai sa-buah negara kita ini, yang mengamalkan demokrasi dan ada-kah Kerajaan telah meminta supaya fikiran² mereka itu di-kemukakan sa-chara yang tidak melanggar undang²?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Mereka di-tangkap bukan-lah kerana mereka ada pemikiran yang bebas, mereka di-tangkap kerana melaksanakan chara pemikiran itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar bahawa sa-sungguh-nya mereka itu di-tangkap dengan tidak memberi amaran lebeh dahulu bahkan pehak yang berkuasa pergi ka-tempat mereka berhimpun dan langsung membaling dan menembak dengan gas dan di-tangkap mereka dengan kasar sa-hingga sa-tengah di-antara mereka itu ada mendapat kechederaan ringan, ada-kah benar?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan² yang di-buat oleh Yang Berhormat itu tidak betul.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Sa-kiranya mahasiswa itu memohon kebenaran atas perkara ini sedia-kah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memberikan pertimbangan atas masalah itu?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya ta' mengerti permintaan bagaimana yang di-kehendaki itu.

Tuan Yang di-Pertua: Permohonan macham mana?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Permohonan daripada mahasiswa kita yang melakukan tunjok perasaan, bagi pehak mahasiswa kita memohon kebenaran hendak membuat kumpulan yang sa-macham itu. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedia memberikan pertimbangan, atau memberikan kebenaran hingga mereka itu tidak terlibat di-tangkap lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Itu perkara yang telah sudah. Perkara agak² apa jadi-nya perkara yang telah sudah itu. Ta' boleh.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah perbedzaan tunjok perasaan yang di-lakukan oleh mahasiswa universiti itu dengan satu tunjok perasaan yang telah di-lakukan oleh Pemuda UMNO yang di-pimpin oleh Ketua Pemuda-nya di-hadapan Kedutaan Philipina atas permohonan orang² Islam di-Kota Batu, tetapi Kerajaan tidak mengambil tindakan?

Tuan Yang di-Pertua: Itu ta' ada kena-mengena dengan soalan ini.

RANCHANGAN² PERUMAHAN— PERLAKSANAAN

6. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau berchadang untuk membatalkan ranchangan² perumahan yang di-jalankan oleh Kerajaan Pusat dan menyerahkan-nya kepada Kerajaan² Negeri untuk melaksanakan-nya dan sama ada Kerajaan akan menubuhkan suatu Lembaga Pembinaan Rumah untuk menggantikan-nya.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah tidak terang. Walau bagaimana pun saya suka menjelaskan kepada beliau bahawa Kerajaan Persekutuan tidak pernah menjalankan ranchangan² perumahan di-mana² Negeri juga pun. Apa yang di-kendalikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini ia-lah memberi pinjaman wang dan bantuan teknik

kapada Kerajaan² Negeri dan Ibu Kota, Kuala Lumpur supaya mereka dapat melaksanakan ranchangan² perumahan yang diranchangkan oleh mereka sendiri.

Oleh yang demikian soal yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah timbul.

PASARAN² WANG DI-EROPAH/ LONDON—PENUTUPAN

7. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya Kapada Menteri Kewangan ada-kah pendapatan hasil negara Malaysia daripada eksport² utama-nya telah terlibat dengan penutupan pasaran² wang Eropah dan London akibat langkah² Presiden Nixon hendak mengukuhkan ringgit Amerika Sharikat.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, penutupan pasaran² wang di-Eropah dan London berikutan dengan langkah² yang di-umumkan oleh Presiden Nixon pada 15hb Ogos lepas bagi mengukuhkan ringgit Amerika Sharikat itu telah melemahkan perniagaan di-pasaran² barangan buat sementara waktu, dan penjualan barang² utama Malaysia turut menerima kesan burok akibat penutupan sementara beberapa pasaran² wang. Sa-benar-nya, kebanyakan harga² barangan terus menerus kurang memuaskan sa-hingga penyalarsan matawang pada bulan Disember lepas itu.

PINJAMAN KERAJAAN² NEGERI

8. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak yang telah di-pinjamkan sa-takat ini oleh tiap² Kerajaan Negeri kapada Kerajaan Pusat. Berikan angka mengikut Negeri dan sebab² pinjaman² tersebut di-buat.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini Kerajaan Persekutuan telah menerima hanya pinjaman sa-banyak \$5 juta dari Kerajaan Negeri Sabah. Pinjaman ini di-maksudkan untuk Projek Kelapa Sawit, Kerajaan Negeri Trengganu di-Sungai Tong. Pinjaman ini telah di-buat dalam bulan April, 1971 dan terpaksa di-salurkan melalui Kerajaan Persekutuan oleh sebab di-dalam Perlembagaan Malaysia tidak ada peruntukan yang membolehkan sa-sabuah Kerajaan

Negeri meminjam sa-chara langsung dari Kerajaan Negeri yang lain. Perlembagaan hanya membenarkan Negeri² meminjam dari Kerajaan Persekutuan atau dari bank jika pinjaman itu tidak melebihi satu tahun.

Tidak ada Kerajaan² Negeri lain yang telah meminjamkan wang kapada Kerajaan Persekutuan. Sa-balek-nya Kerajaan Persekutuan telah memberi pinjaman² kapada semua Kerajaan² Negeri untuk berbagai² projek pembangunan. Pinjaman² yang masch terhutang saperti pada 31hb Oktober, 1971 ia-lah saperti berikut:

Kerajaan ² Negeri				\$ Juta
Selangor ...	...	...	...	57.5
Perak ...	...	...	...	52.6
Negeri Sembilan	...	...	...	35.6
Pahang ...	...	...	...	22.1
Kedah ...	...	...	...	28.7
Pulau Pinang	...	...	...	42.3
Sarawak ...	...	...	...	15.3
Sabah ...	...	...	...	6.4
Melaka ...	...	...	...	12.3
Johor ...	...	...	...	16.2
Trengganu	...	...	...	18.9
Kelantan	...	...	...	9.4
Perlis ...	...	...	...	3.1
Jumlah ...				\$320.4

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa-kah pinjaman dari Kerajaan Negeri kapada Kerajaan Negeri yang lain ia-itu di-Trengganu melalui Kerajaan Pusat hanya di-beri kapada satu Negeri sahaja. Ada-kah kerana ketika mana Kerajaan Negeri Trengganu meminta pinjaman daripada Kerajaan Pusat, ketika itu Kerajaan Pusat ta' ada duit, atau pun bagaimana chara-nya yang lain² Negeri ta' ada membuat pinjaman antara satu Negeri dengan satu Negeri, chuma daripada negeri Trengganu kapada negeri Sabah dan mengikut Perlembagaan dia mesti di-salurkan melalui Kerajaan Pusat. Bagaimana?

Tun Tan Siew Sin: (Dengan izin) I think the Honourable Member concerned must have been half asleep when I answered the question. I told him that under our Constitutional arrangements it could not be done in the way he thought it could be done.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kewangan menerangkan berapa-kah kadar bunga yang dikenakan oleh Kerajaan Sabah di atas pinjaman sa-banyak \$5 juta kepada negeri Trengganu melalui Kerajaan Persekutuan?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I require notice of that question because obviously we have made so many loans in the past that I cannot remember offhand the particular interest rate being charged for every loan.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah di-beri tahu kepada Dewan ini berapa lamakah pinjaman itu mesti di-bayar oleh Kerajaan Negeri Trengganu?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I cannot remember the details of these loans. As I tried to tell him, we have made literally scores, if not hundreds of loans, and obviously I cannot remember the details of every loan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, sa-kali lagi saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang chara-nya, sa-bagaimana saya pun tahu ia itu Perlembagaan mengatakan bahawa ta' boleh Kerajaan Negeri meminjam daripada Kerajaan Negeri lain

Tuan Yang di-Pertua: Buat pertanyaan itu tepat, jangan involve sangat, siapa pun ta' mengerti hendak menjawab-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soal-nya bagini. Apa-kah perbezaan-nya yang Kerajaan Negeri lain tidak ada membuat perjalanan seperti yang di-buat oleh Kerajaan Negeri Trengganu di-mana Kerajaan Negeri meminjam dengan Kerajaan Negeri yang lain walau pun di-salurkan melalui Kerajaan Persekutuan. Ada-kah ketika mana Kerajaan Negeri itu hendak pinjam dengan Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat tidak ada duit-kah atau bagaimana, itu yang saya hendak tahu?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, the Sabah State Government was keen—I think I can use this word—to give some assistance to Trengganu and hence it was done in this way because a direct loan is not possible under the Constitution.

KAWASAN² PERUSAHAAN DI-LUAR BANDAR

9. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau berchadang untuk mengadakan kawasan² perusahaan di-daerah luar bandar dalam Malaysia untuk memajukan lagi ekonomi luar bandar.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ada-lah bersetuju pada dasar-nya bahawa Kerajaan patut menubuhkan estet² perusahaan di-kawasan² luar bandar di-Malaysia. Walau bagaimana pun, Kerajaan² Negeri yang tertentu telah pun memajukan estet² perusahaan dengan sendiri-nya. Estet² ini dan lain² yang di-chadangkan untuk di-majukan di-masa akan datang ada-lah lebeh dari cukup untuk memenohi keperluan perusahaan bagi tahun² yang akan datang.

Oleh itu di-perengkat ini Kementerian Perdagangan dan Perusahaan hanya akan menumpukan bantuan teknik kepada Kerajaan² Negeri mengenai perkara ini. Sunggoh pun bagitu, kami sedang mengkaji kemungkinan bagi memajukan estet² perusahaan kemudian kelak lebeh² lagi di-kawasan² yang kurang maju.

FIDA MENOLONG MELAYU MEMBUKA PERUSAHAAN

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apa-kah usaha penyelidekan yang di-jalankan oleh FIDA untuk orang Melayu membuka perusahaan²; dan
- (b) Berapa banyak perusahaan yang telah di-buka dari tunjok ajar dari FIDA.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP) atau FIDA telah membuat kajian² kemungkinan pelaburan dan kajian² projek untuk menentukan projek² yang sesuai untuk di-anjorkan, dan 18 dari laporan² projek tersebut telah di-gantong sa-lama 6 bulan bagi pertimbangan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, MARA, PERNAS, Dewan Perniagaan Melayu

dan lain² pertubohan bumiputra. FIDA juga telah menjalankan kajian kemungkinan perusahaan bagi Kerajaan² Negeri Kedah, Perlis, Sabah, Negeri Sembilan, Melaka dan Sarawak. Kini, kajian yang sa-rupa sedang dijalankan di-Kelantan dan Trengganu. Kajian² sa-umpama itu akan di-jalankan di-Negeri² yang kurang maju di-masa akan datang. Sa-bagai mengikut langkah² saperti yang terkandung di-dalam Rancangan Malaysia Kedua, FIDA atau LKPP juga menjalankan penyiasatan terhadap perusahaan orang² Melayu. Tujuan-nya ia-lah untuk menentukan faktor² yang akan membolehkan orang² Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan perkilangan, dan kesukaran serta masalah yang akan di-hadapi di-dalam proses tersebut. Apabila hasil² muktamad penyiasatan tersebut di-perolehi, boleh-lah di-perbuat dasar mengenai asas² untuk menentukan langkah² menggalakkan orang² Melayu mengambil bahagian dalam sektor perkilangan.

- (b) Antara 18 projek yang di-tentukan oleh FIDA atau LKPP bagi Kerajaan dan pertubohan² bumiputra, sa-hingga ini, mereka telah menunjukkan minat dalam 8 buah projek, ia-itu kerepek ubi kayu, projek kayu kayan, pengusahaan batu bakar, sarong tangan getah, tepong kanji, buah gajus, batu bata, papan lantai berlapis. Di-samping itu FIDA atau LKPP juga kini menjalankan kajian penyiasatan ka-atas suatu projek untuk lima Perbadanan Kemajuan Negeri. Walau bagaimana pun, bilangan pertubohan sa-benar-nya yang akan ditubuhkan ada-lah sukar di-nyatakan di-peringkat ini. Ada-lah juga menjadi dasar LKPP atau FIDA bagi menggalakkan orang² Melayu mengambil bahagian dengan chara berkongsi dengan orang² bukan Melayu atau pemodal² luar negeri. Dalam tahun 1970, antara jumlah modal terkumpul sa-banyak \$442 juta yang di-chadangkan oleh projek² perusahaan yang di-luluskan, 20% ada-lah di-khaskan untuk orang² Melayu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Speaker, boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu 18 buah projek yang telah di-jalankan itu

ada-kah di-kendalikan oleh perbadanan² Kerajaan atau di-kendalikan oleh sharikat² persendirian orang Melayu?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kedua²-nya sa-kali termasuk.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Angka-nya tidak boleh di-terangkan; erti-nya 4 perbadanan-kah, atau hanya kalangan sharikat Melayu sa-mata²?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Saya tidak berapa faham apa yang di-soalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi ia-lah kedua²-nya sa-kali, ia-itu perbadanan dan sharikat² kepunyaan orang Melayu sa-chara persendirian. Jadi itu sa-chara umum-nya. Jadi yang saya hendak tahu boleh-kah Yang Berhormat itu memberitahu saya ada-kah semua bagitu, atau sa-paroh²-nya yang berkongsi antara Private Sector Melayu dengan perbadanan, dan sa-paroh yang lain itu hanya private sector sa-mata²?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata tiap² projek itu berkongsi semua-nya antara semua pihak. Ada sa-tengah projek-nya antara Perbadanan Kemajuan Negeri, ada pula dengan MARA, ada dengan PERNAS, ada melalui Dewan Perniagaan Melayu. Itu terpulang-lah kepada masing² projek dan bergantung kepada masing² tempat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidak-kah ada satu yang sa-mata² di-punyai oleh sharikat Melayu sendiri?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi ia-lah sa-chara umum ya'ani tidak di-tentukan satu persatu. Jadi ini tidak-lah bererti bahawa projek² itu tidak ada sama sa-kali orang² individual Melayu.

KESATUAN² SEKERJA—PENUBOHAN

11. **Tuan V. Veerappan** (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan ia-itu sa-laras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan penubohan pergerakan Kesatuan² Sekerja yang sehat dan demokratik mengapa-kah kakitangan² awam tidak di-benar menubuhkan

sa-buah Kesatuan Pekerja² Negara di dalam Perkhidmatan² Umum dan Awam (N.U.E.P.A.C.S.) dengan mewartakan P.U. (A) 488/1967.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan Kesatuan² Sekerja. Bagi pekerja² Kerajaan, mereka menubuhkan Kesatuan² berdasarkan pekerjaan, Jabatan² atau Kementerian² yang serupa. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu tidak shak lagi sadar bahawa kebanyakan dari pekerja² Kerajaan ada-lah di-wakili oleh Kesatuan² dan kebanyakan dari Kesatuan² itu pula bergabung dengan Congress of Union of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS) satu persekutuan bagi Kesatuan² Sekerja.

Kerajaan telah memberikan pertimbangan dan menimbangkan perkara ini dengan teliti dan di-dapati bahawa bentok yang ada sekarang ada-lah mencukupi dan berkesan.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, bukan-kah ini satu bukti bahawa Kerajaan tidak ikhlas ka-atas dasar-nya bahawa menggalakkan Kesatuan² Sekerja di-negeri kita ini untuk menambah kekuatan mereka. Kalau tidak, boleh-kah Kementerian ini mengkaji sa-mula classification of unions?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, bukan. Itu bukan bukti dan pandangan itu, itu pandangan Wakil dari DAP sahaja.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah atau ada-kah Kementerian mengkaji sa-mula—review classification of unions di-dalam negeri kita?

Tuan Lee San Choon: Pada masa sekarang Kerajaan memikirkan bagi mengkaji sa-mula classification of unions ada-lah tidak perlu.

JURUTERA² DAN AKITEK² LUAR

12. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Kerja Raya dan Kuasa Letrik menyatakan oleh kerana pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua berkehendakkan banyak jurutera² dan akitek² luar, hingga sekarang berapa ramai jurutera² dan akitek² kontrak yang telah sanggup mendaftar diri untuk bekerja dengan Kerajaan, apa-kah bangsa mereka dan berapa gaji yang di-tawarkan kepada mereka.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai akibat urusan pengambilan daripada Ceylon, 6 perlantekan telah di-buat, ia-itu 4 bagi jawatan Jurutera Awam dan dua bagi jawatan akitek. Bagaimana pun hanya dua chalun telah menerima tawaran jawatan tersebut dan 1 daripada chalun² ini telah melaporkan diri-nya. Yang lain di-jangka akan tiba ka-Malaysia pada akhir bulan ini.

Bagi urusan pengambilan daripada India pula 6 perlantekan telah di-buat ia-itu 4 bagi jawatan Jurutera Awam, 1 jawatan bagi jawatan Akitek dan 1 bagi Penolong Pengawal Talipon. Sa-takat ini Kementerian belum lagi menerima apa² jawapan daripada chalun² yang berkenaan.

Bagi Filipina pula 14 tawaran jawatan telah di-keluarkan bagi jawatan Jurutera Awam. Sa-takat ini 6 chalun telah menerima tawaran jawatan dan peratoran sedang di-buat untuk membawa mereka ka-Malaysia. 3 perlantekan bagi jawatan Akitek akan di-buat oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam dalam sedikit masa lagi.

Permohonan telah juga di-terima daripada Korea dan peratoran² sedang di-buat untuk menemuduga 15 chalun yang telah di-dapati layak pada 11hb Februari, 1972.

Jurutera dan Akitek daripada luar negeri ada-lah di-beri gaji mengikut tangga-gaji Suffian ia-itu \$750×50-\$850/\$950×50-\$1,150/\$1,300×50-\$1,500/1,600×100-\$1,800.

Gaji permulaan ada-lah di-tentukan mengikut pengalaman.

Tuan Hor Cheok Foon: Tuan Yang di-Pertua, I would like the Minister to tell the House

Tuan Yang di-Pertua: Chakap dalam Bahasa Kebangsaan!

Tuan Hor Cheok Foon: Boleh-kah Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini, berapa banyak-kah ada engineer, akitek dari Universiti Jepun, Hong Kong dan Taiwan sudah mendaftar dengan Kerajaan and awaiting for the reply from the Government for the posts?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah soalan lain. Jadi dengan sebab itu, saya berkehendakkan

notis kalau Yang Berhormat itu berkehendakkan jawapan yang demikian. Saya ingat soal register ini pada waktu ini belum ada register.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kerajaan Malaysia membuat tawaran kepada jurutera² dan akitek² yang ada di-Indonesia untuk berkhidmat di-Malaysia?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ada. Sa-benar-nya kita sudah pun membuat perhubungan dengan Kerajaan Indonesia dan mereka akan memereksa dapat-kah mengirim sa-banyak 25 orang dengan sa-berapa lekas.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah pandangan Kerajaan Malaysia, mana lebih baik, jurutera² atau akitek² dari India dengan Indonesia?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ini ia-lah soalan lain, tetapi pada pandangan kita, kalau mereka itu kedua² mempunyai qualification yang kita kehendakai, kedua² pun ada baik. (Ketawa).

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut laporan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri tadi, nampak-nya sambutan ada-lah kurang, boleh-kah ini disebabkan gaji yang di-tawarkan pada mereka itu tidak cukup?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah kajian telah di-perbuat oleh Kerajaan bahawa barangkali ada juga akitek² dan jurutera² di-segi private sector barangkali tidak ada cukup kerja, dan kalau di-buat kajian barangkali tidak perlu lagi mengambil akitek² dan jurutera² dari luar negeri dan pekerjaan Kerajaan boleh di-berikan kepada private sector?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat ma'alumat seperti yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak dapat pengetahuan seperti apa yang di-katakan itu.

DOKTOR² PEREMPUAN LUAR NEGERI—BILANGAN

13. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor² perempuan dari luar negeri yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan di-Malaysia Barat dan tempat² mereka bertugas.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, bilangan doktor perempuan dari luar Negeri yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan sekarang ia-lah 51 orang dan mereka ini di-tempatkan seperti berikut:

Selangor	...	...	...	13 orang
Johor	...	...	...	9 "
Negeri Sembilan	...	...	...	6 "
Pulau Pinang	...	...	...	3 "
Melaka	...	...	...	2 "
Perak	...	...	...	6 "
Kedah	...	...	...	3 "
Pahang	...	...	...	4 "
Kelantan	...	...	...	4 "
Trengganu	...	...	...	1 "

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah doktor² perempuan ini ada yang datang dari Indonesia?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, doktor² daripada Indonesia ini ada juga perempuan.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian melaksanakan masaalah² berbahasa dengan doktor² luar yang berkhidmat di-negara kita?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat itu ulang sa-kali lagi, saya tidak berapa faham di-atas per-chakapan-nya!

Tuan Loh Jee Mee: Ada-kah Kementerian melaksanakan masaalah² berbahasa dengan doktor² luar yang berkhidmat di-negara kita?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, doktor² daripada luar negeri ini telah di-beri akuan ini ia-itu peluang untuk belajar bahasa Malaysia kita. Mereka itu chuma mengambil dua, tiga bulan sahaja dan telah

faham bahasa Malaysia kita supaya mereka itu berhubung dengan pesakit² yang di-rawat oleh mereka itu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah sebab-nya negeri Trengganu hanya mendapat sa-orang sahaja doktor perempuan dari luar negeri? (*Ketawa*)

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali negeri Trengganu chuma meminta sa-orang doktor perempuan sahaja.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya chukup dukachita Yang Berhormat Menteri menggunakan perkataan barangkali negeri Trengganu hanya meminta sa-orang sahaja, ada-kah benar negeri Trengganu meminta sa-orang sahaja?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya chakap "barangkali—barangkali".

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kesihatan beritahu apa-kah kemahiran² atau pun kebolehan yang ada pada doktor² luar yang datang ka-negeri ini, ia-itu doktor² perempuan dalam bidang² yang khas? Adakah mereka ini mahir dari segi pembedahan, atau pun kemahiran dari segi penyakit puan atau pun apa dan sa-bagai-nya? Boleh-kah Yang Berhormat Menteri beritahu di-sini berapa yang ada kemahiran itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh beritahu sa-tiap orang doktor mempunyai kemahiran² mereka itu, akan tetapi sa-belum doktor ini di-ambil oleh Kerajaan kita, Kementerian saya dengan pegawai² yang berkenaan telah menelitikan perkara itu untuk bertemu kapada permohonan². Jikalau kita berfikir mereka itu ada mempunyai kelayakan yang penoh, maka mereka itu akan di-ambil oleh Kerajaan kita.

Tuan Haji Mohd. Chik Johari Majakil: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri itu sedar ia-itu kebanyakan doktor² dari luar negeri yang berkhidmat di-Negeri Sabah ia-lah tidak pandai sama sa-kali berchakap dalam bahasa Malaysia? Ini menyebabkan susah kapada pesakit² yang datang minta rawatan di-rumah sakit di-Malaysia Timor.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, doktor² yang berkhidmat di-Negeri Sabah ini sa-rupa dengan doktor² yang berkhidmat di-Negeri² Malaysia Barat. Mereka itu diberi peluang untuk berchakap dalam bahasa Malaysia kita. Boleh—boleh berchakap, tidak ada sadikit pun kerumitan yang di-timbulkan.

Tuan Haji Mohd. Chik Johari Majakil: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sudah saya dapat tahu ia-itu ada doktor² itu tidak akan chuba mahu belajar bahasa Malaysia, dan kalau Menteri yang berkenaan itu sedar, apa-kah tindakan Menteri itu supaya doktor² ini mesti mahu belajar bahasa Malaysia?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, doktor² ini bukan warganegara Malaysia, mereka datang ka-sini untuk berkhidmat dengan negeri kita ini dengan sa-chara kontrek. Bila kontrek itu sudah tamat, mereka itu akan balek ka-negeri masing².

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Negeri Trengganu hanya sa-orang sahaja doktor perempuan, boleh-kah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan di-dalam Dewan ini kira-nya ada permintaan dari Kerajaan Negeri Trengganu atau dari pihak kedokteran di-sana, pihak Yang Berhormat Menteri bersedia memberi tambahan sesuai dengan penduduk wanita di-Trengganu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bersiap sedia jikalau ada permintaan daripada Kerajaan Negeri Trengganu, dan saya akan hantar doktor² perempuan yang ada berkhidmat di-negeri itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menteri Kesihatan tadi telah berkata, ia-itu ta' payah doktor² dagang yang datang ka-mari belajar Bahasa Kebangsaan, oleh kerana mereka chuma datang sementara. Jikalau orang kampung minta ubat, ubat sakit perut diberikan ubat sakit kepala—bagaimana, jikalau ta' tahu Bahasa Kebangsaan?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada sa-orang doktor daripada luar negeri itu tidak faham berchakap bahasa Malaysia, kita ada mempunyai jururawat². Jururawat² ini boleh terjemahkan apa² chakapan daripada pesakit² itu kapada doktor.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Menteri ini berchadang apabila hendak mengambil doktor² perempuan dari luar negeri pada masa akan datang mengutamakan kebolehan-nya di-bidang penyakit puan atau gynaecology oleh kerana memang-lah sesuai doktor² perempuan yang mengubati penyakit² yang berkenaan dengan perempuan itu sendiri?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soal mengambil doktor² daripada luar negeri ia-lah kekurangan doktor² perubatan kita. Jikalau pada masa yang akan datang doktor² tempatan kita menchukopi, doktor² daripada luar negeri itu ta' payah-lah kita ambil-nya lagi. Mereka itu, saya perchaya, akan balek ka-negeri masing².

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Jika sa-kira-nya doktor² dalam negeri ini sudah chukop, tetapi maseh kekurangan di-bidang penyakit puan, ada-kah Yang Berhormat Menteri berchadang mengambil doktor perempuan luar negeri khusus di-bidang penyakit puan sahaja?

Tuan Lee Siok Yew: Ya.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Tidak-kah sesuai dan perlu bahawa doktor² perempuan dari luar negeri yang datang ka-negeri kita sentiasa ada kursus di-dalam perkhidmatan—in-service courses di-dalam bahasa Malaysia?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kita belum ada in-service courses dalam bahasa Malaysia kapada doktor² daripada luar negeri. Saya sudah chakap mereka itu datang ka-sini berkhidmat ka-negeri kita sa-chara kontrek sa-lama 3 tahun. Jikalau mereka itu sudah sesuai dan juga doktor² tempatan ini tidak menchukopi lagi, mereka itu akan di-benarkan bagi di-tambah sa-tahun atau dua tahun lagi untuk berkhidmat dengan kita.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. (a) doktor² perempuan yang di-pilih ada-kah doktor² perempuan bujang atau bersuami. (b) kalau bersuami, isteri-nya datang ka-mari bolehkah suami-nya pula bekerja di-sini atau tidak?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, dua² pun ada.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, (Dengan izin) Sir, the shortage of lady doctors in this country

Tuan Yang di-Pertua: Apa fasal minta izin ini, chakap dalam Bahasa Kebangsaan sudah.

Tuan Goh Hock Guan: Boleh juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh, fasal apa mahu berchakap bahasa lain!

Tuan Goh Hock Guan: Terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua. Boleh-kah kita minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagaimana dia hendak mengatasi kekurangan doktor² perempuan atau doktor² jantan di-Malaysia, oleh sebab dari pandangan saya kekurangan doktor² perempuan dan jantan ia-lah satu bukti yang besar sa-kali menunjukkan kegagalan Kerajaan Perikatan di-dalam bidang kesihatan?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kita chuma ada doktor perempuan dan doktor laki². Kita tidak ada doktor jantan (Ketawa). Kementerian saya dan Kerajaan kita pun telah mengambil langkah untuk mendapatkan doktor² tempatan pada masa yang akan datang. Saya mengatakan kekurangan doktor² tempatan pada masa sekarang ini ia-lah sementara sahaja—tidak doktor² yang baharu keluar daripada universiti kita atau universiti seberang laut, maka pada masa yang akan datang kekurangan doktor² ini tidak di-kehendaki lagi.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri itu beritahu, bila kekurangan doktor² di-Malaysia boleh di-atasi?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain. Bila-kah boleh, bila-kah ta' boleh. Ini melihat keadaan kesihatan dalam negeri kita pada masa yang akan datang.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Boleh-kah Menteri Kesihatan beritahu tujuan untuk mengambil doktor² dari luar negeri ini berkhidmat di-luar bandar, atau di-dalam bandar?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, luar bandar pun ada, dalam bandar pun ada.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, ada-kah Menteri Kesihatan sedari doktor² di-Malaysia sangat susah hati, sebab banyak doktor² dari luar negeri ada berkhidmat di dalam bandar?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa sebab-nya doktor² tempatan susah hati—apa sebab-nya susah hati.

KEKOTORAN KILANG DI-KLUANG— MENGATASI

14. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Menteri Kesihatan sama ada beliau sedar akan keraguan dan kebimbangan yang dirasakan oleh penduduk² di-Kluang di atas bahaya kesihatan yang disebabkan oleh kekotoran bekalan ayer berpuncha dari kekotoran dari sa-buah kilang perusahaan kain-baju. Ada-kah beliau berpuas hati di atas langkah yang telah di-ambil untuk mengatasi kekotoran di-kilang itu. Ada-kah pehak Menteri bersedia menahan lesen perkilangannya sa-hingga di-pasang alat “anti-pollution” oleh pehak kilang itu sendiri, kerana jika kekotoran ini tidak di-chegah ia-nya lama kelamaan akan mendatangkan penyakit kulit kepada orang ramai.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pegawai² kanan dari Kementerian saya telah melawat kawasan yang terlibat di-Kluang dan telah menandatangani langkah² tertentu yang patut di-ambil oleh kilang itu. Chadangan² ini sedang di-laksanakan untuk membersehhkan ayer² kotor dari kilang kain. Sementara itu, pengurus kilang itu telah memberi jaminan ia-itu keluaran ayer² kotor yang berbagai warna oleh sebab ubat² chelop itu tidak akan di-masokkan ka-dalam sungai di-mana ayer sungai itu di-gunakan oleh orang ramai. Kerajaan Negeri Johor telah juga melaksanakan pindaan² baru terhadap “Waters Enactment, Cap. 146” bersabit dengan kekotoran sungai². Tindakan boleh di-ambil terhadap kilang kain itu sa-kira-nya ia melanggar undang² berkaitan dengan kekotoran ayer sungai.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri beri tahu kepada Dewan ini bila lawatan² daripada pegawai kanan Kementerian-nya pergi ka-Kluang menyiasat atas perkara itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak faham bahasa Malaysia. Saya katakan, pegawai kanan saya telah melawat ka-kilang itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sendiri tidak faham, saya tanya bila pegawai kanan Kementerian-nya pergi ka-Kluang, saya mahu tarikh lawatan itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan telah melawat—sudah pergi.

Tuan Lim Kit Siang: Dua bulan, dua tahun dahulu!

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan telah melawat. Jadi, bila-kah melawat ini, haribulan-nya saya tidak boleh ingat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pada bulan September ada dua tiga hari ayer di-Kluang telah bertukar warna kepada warna merah, dan apa siasatan telah di-ambil oleh Kementerian ini?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah saya jawab tadi. Jadi apa² tindakan yang boleh, Kementerian saya dengan kerjasama dari Kerajaan Negeri akan ambil untuk memaksa kilang² yang berkenaan itu menjalankan apa² perjanjian, jaminan itu telah pun di-laksanakan.

Tuan Lim Kit Siang: Jikalau saya tidak salah faham, tadi Yang Berhormat Menteri telah berchakap bahawa kilang itu ada memberi satu jaminan bahawa ayer di-Kluang tidak akan di-kotorkan, tetapi tentu-lah Dewan ini tidak chukup puas hati sahaja atas jaminan daripada kilang itu. Kita mahu tahu, apa tindakan yang telah di-ambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menjaga kesihatan penduduk² di-Kluang untuk menyiasat dengan sendiri-nya bukan untuk menunggu atas jaminan daripada kilang itu, tentu mereka akan berkata tidak ada soalan, tentu tidak bahaya kepada kesihatan penduduk² di-Kluang, tetapi kita mahu tahu, apa-kah tindakan yang Kerajaan sendiri sudah buat?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi, Kementerian saya telah pergi menyiasat dan satu jaminan daripada kilang itu akan di-ikuti apa² langkah untuk

melaksanakan ayer² kotor itu jangan masok ka-sungai itu. Dengan itu juga, jikalau kilang itu tidak mengikuti apa² jaminan, tindakan boleh di-ambil terhadap kilang itu, sa-kiranya dia melanggar undang² berkaitan dengan kekotoran sungai itu, tindakan Undang² akan di-ambil.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah-kah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa dahulu kilang² itu sudah melanggar Undang² tentang kekotoran ayer, kerana ada telah terjadi satu kali ayer di-Kluang sudah bertukar warna selama tiga hari, bukan satu hari, bukan satu jam?

Tuan Lee Siok Yew: Saya katakan jikalau sekarang, erti-nya pada masa akan datang bukan pada masa yang telah lalu. Kejadian yang telah lalu itu bukan-lah tanggung-jawab saya, tetapi pada masa akan datang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun apa yang berlaku dahulu itu bukan tanggung-jawab Yang Berhormat Menteri kerana dia baharu jadi Menteri, baharu dua minggu, tetapi itu tanggung-jawab Kementerian Kesihatan dan tanggung-jawab Kerajaan ini, dan tentu jikalau ada salah di-jalankan, di-lakukan oleh kilang² itu, tentu tanggung-jawab Kementerian Kesihatan mengambil tindakan, atau pun kerana sebab managing director mereka itu—Dato' Tan Peng Khoo orang kuat MCA Johor—sebab itu tidak ada tindakan di-ambil.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak kena-mengena dengan apa² politik langsung. Kita chuma ambil apa² tindakan dengan Undang² sahaja. Ahil Yang Berhormat mesti-lah faham, Kerajaan kita memerintah ia-lah mengikut sa-chara Undang², dan Undang² tidak berkaitan apa² soal politik di-dalam kilang itu.

Dr Chen Man Hin: Oleh sebab kilang di-Kluang itu sangat merbahaya kapada penduduk², sebab kekotoran boleh jadi cancer di-dalam bladder, boleh-kah Kerajaan memberi jaminan suroh kaki-tangan-nya atau anti-pollution-nya pergi menyiasat tentang kekotoran di-sungai Kluang itu tiap² minggu, atau tiap² hari? Apakala ada kekotoran banyak di-sana itu boleh menjadikan bahaya kapada penduduk² di-Kluang.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, chadangan itu boleh-lah di-ambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 15 hingga 22 ada-lah di-beri di-bawah ini).

HOSPITAL BAHARU TELOK ANSON—CHADANGAN

15. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian-nya berchadang membena sa-buah Hospital yang baharu di-Telok Anson di-bawah Rancangan Malaysia Kedua, dan jika ya, beri tarikh pembenaan tersebut akan di-mulakan dan pada tahun apa hospital tersebut akan siap, dan jumlah perbelanjaan projek tersebut serta jumlah katil² yang akan di-sediakan di-hospital baharu ini.

Tuan Lee Siok Yew: Kementerian Kesihatan berchadang memulakan pembenaan kompleks hospital baharu di-Telok Anson dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Anggaran jumlah perbelanjaan yang telah di-luluskan untuk projek itu saperti yang di-tunjokkan di-bawah Bahagian 121 Bahagian Kechil 4 (ix) "Hospital Daerah, Telok Anson" ia-lah \$10,000,000 dan anggaran yang telah di-luluskan sa-masa Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 ia-lah \$2,258,000.

Tarikh permulaan projek itu bergantung kapada pemilehan tapak yang sesuai. Ini akan di-tentukan oleh chadangan perletakan bandar baharu Telok Anson. Kementerian Kesihatan sedang berunding rapat dengan Kerajaan Negeri Perak dan Pengarah Bandaran dan Perancangan Luar Bandar Negeri Perak untuk mendapatkan satu tapak yang sesuai untuk kompleks hospital baharu ini. Ada-lah di-ranchangkan bahawa kompleks baharu ini boleh menempatkan kira² 400 katil.

(Dengan izin): The Ministry of Health does intend to start the building of a new hospital complex at Telok Anson during the 2nd Malaysia Plan.

The estimated approved total expenditure for the project as shown under Head 121 Subhead 4 (ix) "District Hospital, Telok Anson" is \$10,000,000, and the approved estimates during the 2nd Malaysia Plan 1971-1975 is \$2,258,000.

The date of commencement of the project is dependent upon the selection of a suitable site. This will be determined by the location of the proposed new township of Telok Anson. The Ministry of Health is in close consultation with the Perak State Government, and the Director, Town and Country Planning, Perak to obtain a suitable site for the new hospital complex. It is planned that the new complex will have accommodation for approximately 400 beds.

PERLAKSANAAN LAPORAN SUROHANJAYA AZIZ

16. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan bila-kah Kerajaan akan melaksanakan shor² Laporan Surohanjaya Aziz dan juga jumlah perbelanjaan yang akan di-keluarkan untuk-nya apabila ia di-laksanakan.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Kerajaan akan melaksanakan shor² Laporan Aziz yang berhubung dengan tangga gaji dan sharat² perkhidmatan guru². Surat Pekeliling Bil 10/71 berkenaan dengan-nya telah di-edarkan mulai 15hb Disember, 1971.

Shor² yang lain dalam Laporan itu sedang di-pertimbangkan oleh Kerajaan.

Jumlah perbelanjaan yang sa-benar-nya belum dapat di-pastikan kerana tempoh bagi guru² membuat pilihan mereka belum tammat lagi.

BERNAMA—TUJUAN DI-TUBOHKAN

17. Tuan V. David minta Menteri Penerangan dan Menteri Dengan Tugas² Khas menyatakan apa-kah tujuan utama BERNAMA di-tubuhkan dan sama ada BERNAMA di-arahkan untuk melanggan berita² pro-Kerajaan sahaja.

Menteri Penerangan dan Menteri Tugas² Khas (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tugas BERNAMA ia-lah seperti berikut:

- (a) Menchari dan mengemukakan ma'alumat, berita, bahan² berita atau renchana² berita yang lengkap benar

dan saksama atas apa² perkara mengenai kepentingan awam dan bangsa di-dalam dan di-luar Persekutuan.

- (b) Membahagi²kan ma'alumat, berita, bahan² berita atau renchana² berita itu kepada pelanggan² dengan di-kenakan bayaran sama ada berupa wang atau pertukaran berita atau kedua²-nya dan,
- (c) Melaporkan dengan sa-benar dan saksama-nya dengan tidak menyentoh kepentingan awam dan bangsa, pen-dapat² segala golongan penduduk² Persekutuan.

BERNAMA ada-lah satu pertubuhan (body corporate) yang bebas dan pengurusan-nya terta'alok kepada satu Lembaga terdiri daripada:

- (a) Sa-orang Pengurus yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (b) Wakil² Kerajaan Persekutuan yang tidak lebeh daripada 6 orang bilangannya;
- (c) Wakil² dari tuan² punya surat khabar dalam Persekutuan yang menjadi pelanggan² kepada BERNAMA yang tidak lebeh daripada 6 orang bilangannya.

Sa-bagai yang ternyata pada tugas² BERNAMA, pertubuhan itu sudah pun ada tugas² yang tertentu dan saya tidak ada kuasa untuk memberi sebarang arahan kepada BERNAMA.

PUSAT PEMASARAN GETAH— BILANGAN PEKERJA

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bila-kah di-adakan Pusat Pemasaran Getah di-London dan New York;
- (b) berapa ramai pekerja²-nya tiap² satu dengan memberi angka-nya untuk bilangan ra'ayat Malaysia dan ra'ayat negara asing;
- (c) berapa-kah belanja yang di-tanggung oleh Malaysia tiap² tahun; dan
- (d) bila-kah Pusat Pemasaran Getah di-London dan New York itu akan di-pindahkan ka-Malaysia.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a) Pasaran getah di-London dan New York telah di-tubuhkan oleh ahli² perniagaan dan juga sharikat² perdagangan getah di-kota² tersebut pada awal abad ini.
- (b) Oleh sebab pertubuhan ini ia-lah pertubuhan swasta dan tidak di-miliki oleh ra'ayat Malaysia, tidak-lah ada sa-orang pun pekerja-nya dari ra'ayat Malaysia dan tidak-lah juga di-ketahui berapa ramai bilangan pekerja-nya.
- (c) Oleh sebab pertubuhan ini ada-lah pertubuhan swasta, maka Malaysia tidak menanggung apa² perbelanjaan mengenai-nya.
- (d) Ada-lah sukar untuk memindah sa-chara fizikal pasaran yang ada di-New York dan London itu ka-Kuala Lumpur. Apa yang boleh di-buat ia-lah mengurangkan kepentingan pasaran getah di-New York dan London dan menjadikan Kuala Lumpur suatu pasaran getah yang terbesar. Langkah ini telah pun di-ambil sejak tahun 1962 dahulu apabila Pasaran Getah Malaysia di-tubuhkan di-Kuala Lumpur mengikut satu Akta Parlimen. Sejak itu kepentingan pasaran getah di-New York dan di-London telah beransur kurang dan Malaysia pada hari ini ada-lah negara pengeluar getah asli yang mempunyai pasaran getah yang berkesan dan yang berkembang.

Dengan tujuan untuk memindahkan pasaran getah di-luar negeri ka-negeri ini, Kerajaan telah mengambil daya usaha untuk menubuhkan satu Sistem Pasaran Yang Di-Satukan (Co-ordinated Marketing System) di-bawah Anjuran Persatuan Negara² Pengeluar Getah Asli. Sistem Pasaran yang di-satukan ini bertujuan untuk memindahkan pasaran getah dunia ka-rantau ini, terutamanya ka-Kuala Lumpur. Di-bawah Sistem ini semua pasaran getah di-Asia Tenggara akan di-satukan. Sistem ini akan mempunyai faedah² yang berikut:

- (i) Susunan harga ada-lah di-jangka lebih stabil atau lebih baik lagi.
- (ii) Sistem ini akan memudahkan urusan perdagangan berasaskan suatu kontrek yang sama.

(iii) Sistem ini juga akan dapat memberi kemudahan yang lebih baik untuk perdagangan dan lindung nilai (hedging) bila di-perlukan.

Malaysia dan Singapura telah bersedia untuk menubuhkan sistem pasaran ini sementara Indonesia, Thailand dan Ceylon sedang mengambil tindakan² yang perlu untuk mengadakan infra-struktur yang perlu bagi menubuhkan sistem ini. Sistem ini akan di-lancarkan sa-baik² sahaja negeri² itu bersedia untuk melaksanakan-nya. Ada-lah di-harapkan bahawa hasil-nya nanti akan mengujutkan sistem pasaran yang di-satukan, yang akan menjadi satu "mechanism" yang boleh menarik pasaran² getah daripada lain² negara ka-Tenggara Asia, terutama-nya ka-Kuala Lumpur.

GES² MERBAHAYA—MENGELAKAN

19. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Menteri Kesihatan oleh kerana kenderaan² yang menggunakan tenaga disel dan juga tenaga "high octane gasoline" akan mengeluarkan asap yang membahayakan kesihatan, ada-kah pihak Kementerian Kesihatan akan merangka langkah² yang perlu bagi menghegah dan mengurangkan kekotoran² yang berpuncha dari kenderaan.

Tuan Lee Siok Yew: Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk mengawal dan mengelakan ges² yang merbahaya yang di-keluarkan dari kenderaan. Satu Jawatankuasa Kechil Bertindak telah di-tubuhkan dan menjalankan kempen terhadap kekotoran udara daripada kenderaan dan dipengerusikan oleh sa-orang "Technical Adviser" daripada Ibu Pejabat Pengangkutan, Kuala Lumpur, pada bulan Mach, tahun ini. Di-antara tindakan² yang di-jalankan oleh Jawatankuasa Bertindak ini ia-lah melancarkan satu kempen terhadap kekotoran udara dari kenderaan di-atas jalan yang telah mengambil masa selama sa-bulan (daripada bulan Mach hingga bulan April, 1971). Kempen ini di-adakan dengan tujuan supaya orang ramai dapat memahami di-atas bahaya² terhadap kesihatan yang di-sebabkan oleh ges² yang di-keluarkan dari kenderaan dan juga chara mengurangkan bahaya² yang di-sebabkan oleh ges² itu. Kempen ini telah di-ikuti dengan satu minggu lagi kempen yang di-jalankan dengan lebih bersungguh sungguh lagi oleh pihak Polis dan R.I.M.V. terhadap

semua kenderaan yang mengeluarkan asap yang banyak. Jawatankuasa Bertindak ini akan menjalankan kempen yang lebih banyak lagi supaya orang ramai akan dapat menyedari tanggungjawab mereka dan mengambil tindakan² untuk memperbaiki keadaan itu. Pertimbangan juga di-buat oleh Jawatankuasa Bertindak ini untuk mengukuhkan undang² yang sedang di-jalankan dengan mengenakan syarat² dan perhatian juga akan di-beri di-atas kelengkapan yang boleh di-pasang di-dalam kenderaan supaya kekotoran udara itu dapat di-kurangkan dengan sa-boleh-nya seperti yang dikehendaki oleh undang² yang tersebut. Penyelidikan yang lebih luas sedang di-jalankan di-Negeri² yang maju seperti Amerika Sharikat, Jepun dan lain²-nya dan apabila langkah² yang lengkap telah di-majukan untuk kegunaan tempatan maka negeri ini akan dapat melaksanakan langkah² itu jika boleh.

(*Dengan izin*): My Ministry has been taking action to control and prevent the emission of harmful gases from motor vehicles. An Action Sub-Committee for the campaign against air pollution arising from motor vehicles was set up under the Chairmanship of the Technical Adviser, Road Transport Headquarters, Kuala Lumpur, in March, this year. Among the things that this Committee has done is to launch a month long campaign in March/April this year against air pollution from motor vehicles on roads. This campaign was aimed at educating the public on the effects of exhaust gases on health and also on how to minimise them. This was followed by a week's intensive campaign by the Police and the R.I.M.V on all vehicles emitting excessive smoke. This Sub-Committee will conduct more campaigns so that the public will become aware of their responsibilities and will take the necessary corrective measures. The Sub-Committee is also considering the strengthening of the existing legislation by introducing regulations and also looking into the possibility of installing equipment in motor vehicles for minimising air pollution in order to comply with the legal provisions. Extensive research is being carried out in the developed countries like the U.S.A., Japan, etc. and as soon as sufficient measures have been developed for practical local application we will consider adopting them in Malaysia wherever practicable.

BAHASA MALAYSIA—KESUKARAN DOKTOR²

20. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa doktor² perempuan dari luar negeri, yang tidak mengerti Bahasa Malaysia, di-tugaskan ka-kawasan² luar bandar di-mana penduduk²-nya pula tidak mengerti Bahasa Inggeris.

Tuan Lee Siok Yew: Di-dapati banyak penduduk² di-luar bandar telah membuat permintaan mendapatkan doktor² perempuan bertugas di-kawasan² luar bandar supaya banyak lagi kaum perempuan boleh menggunakan perkhidmatan itu. Bagi memenuhi permintaan ini, dan sebab kekurangan doktor² perempuan tempatan, Kementerian saya terpaksa mengambil doktor² perempuan dari luar negeri untuk bertugas di-luar bandar. Saya bersetuju pada mula-nya ada di-dapati kesulitan di-segi perhubungan, tetapi keadaan ini chuma sa-kejap sahaja, kerana pengalaman di-masa lalu menunjukkan bahawa doktor² luar negeri ini mengambil masa beberapa bulan sahaja mempelajari Bahasa Malaysia yang memadai untuk bertutor dan di-fahami oleh penduduk luar bandar.

(*Dengan izin*): There has been an increasing demand from our rural people for lady doctors to be posted to rural areas so that more women will be encouraged to utilise the services. In order to meet this demand, and as there are a few of local lady doctors, my Ministry had to recruit lady doctors from overseas. I agree that there will be some difficulties in communication but this will only be for a very short time, for experience in the past has shown that these foreign doctors take only a few months to learn Bahasa Malaysia sufficient to converse and be understood by the rural people.

PENGGANAS² KOMINIS

21. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pengganas² kominis yang di-bunuh dan di-tangkap oleh Pasokan² Keselamatan dalam beberapa kali ia bertempur di-sempadan Malaysia/Thai baharu² ini;

- (b) baharu² ini Pasokan Keselamatan Malaysia dan Thai telah bersama² membuat joint operation dalam wilayah sempadan dua² negeri. Adakah usaha yang seperti itu mendapat kejayaan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Hajj):

- (a) Dalam masa 6 bulan yang lalu, sa-ramai 8 orang pengganas kominis telah di-bunuh, 5 orang menyerah diri dan beberapa orang yang lain chedera hasil daripada operasi² di-kawasan sempadan Malaysia/Thailand. Di-antara pengganas kominis yang chedera, 5 orang lagi telah di-laporkan mati akibat luka parah.

- (b) Ya. Ada mendapat kejayaan.

NUKLEAR BAWAH TANAH— MELETUPKAN

22. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Malaysia membuat bantahan terhadap perbuatan Kerajaan Amerika baharu² ini meletupkan sa-jenis bom nuklear bawah tanah di-Amchitka, Alaska dan memandangkan bawah dunia telah mengutok perbuatan Amerika ini demi keselamatan umat manusia, dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tidak. Walau pun kita mendiamkan diri, tidak-lah sa-harus-nya di-tafsirkan sa-bagai mema'afkan perbuatan itu. Dalam perkara ini pendapat Malaysia sudah di-ketahui umum. Kita terus-menerus mengambil perhatian yang mana telah kita tegas dalam forum yang tertentu, seperti di-Bangsa² Bersatu, bahawa semua ujian senjata² nuklear mesti-lah di-haramkan.

(*Dengan izin*): No. Our silence, however, should not be interpreted as condoning the act. The viewpoint of Malaysia on the subject is known. It has consistently taken a position and which was voiced at the appropriate forum, like the United Nations, that there should be a total test ban on nuclear weapons.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1972

JAWATANKUASA PERBEKALAN

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatankuasa Perbekalan (21hb Januari, 1972).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatankuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

JADUAL

Kepala² B. 18 dan B. 19

Tuan Pengerusi: Saya agak Menteri boleh menggulong perbahathan ini. Perkara B. 18 dan B. 19 ini sudah di-bahathkan pada hari kelmarin, kalau hendak di-panjangkan, saya boleh beri dalam satu jam lagi sahaja. Satu jam lagi patut-lah, kerana kita ada banyak lagi kepala².

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): *Bangun.*

Tuan Pengerusi: Jangan panjang!

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta izin berchakap dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, taraf dan mutu pelajaran di-Malaysia satu faktor yang mengakibatkan kebimbangan besar kepada ibu² bapa dan ra'ayat Malaysia, kerana sudah terang kepada orang ramai bahawa taraf pelajaran telah jatuh rendah dalam masa yang lampau. Oleh sebab tiap² bandar dan desa kita boleh dapat melihat murid² dalam Tingkatan III Sekolah Menengah dan tidak boleh buat ayat pun, baik dalam bahasa Inggeris mahu pun dalam bahasa Malaysia. Itu tentu-lah satu perkara yang sangat memeranjatkan, kerana bila kita ingat bahawa murid² itu sudah ada dalam sekolah sa-lama 9 tahun.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, one of the greatest indictments on the present Government's education policy and system is the high incidence of unemployment among Malaysians in the age group between the years of 15 and 24. Unemployment as a whole is already a very serious problem for Malaysia, but its incidence is highest among

the younger age groups, particularly among youths between the ages of 15 and 24. In 1962, this age group constituted 63% of total unemployment. In 1967-68, this has grown to 75%. In 1972 today, young Malaysians between 15-24 easily constitute more than 80% of total unemployment.

All these young unemployed are the products of the present Government's education policy and system. They are either school drop-outs primarily during the transition from primary school to secondary forms, or they are failures at the L.C.E. level. We know that last year alone 70,000 Standard VI pupils dropped out of the education system, and tens of thousands failed the L.C.E. These youngsters are thrown out of schools, not educated and trained for any gainful employment. They can only stoke the fires of discontent, social unrest and finally national upheaval.

A study of the Standard V Assessment Test results is very illuminating about the standard of education in the country. We will take the figures for 1970, as provided by the Ministry of Education itself. For 1970, in Kelantan for Malay-medium primary students, the following are the percentage of failures for each subject of the Standard V Assessment Test:

1970			
Bahasa Malaysia	...	43.1%	failures
Bahasa Inggeris Rendah	...	58.7%	failures
Ilmu Hisab	...	66.6%	failures
Ilmu Sains	...	56.4%	failures

The unavoidable conclusion from these results is that five out of every 10 students in the State of Kelantan could not understand a single subject that is being taught in schools.

Yet they would be promoted nonetheless to upper classes till Form III because of the automatic promotion system. Is there any wonder that a high percentage of them dropped out after Primary Six, having failed to understand what all the lessons are all about, and those who had the grit to go up to Form III failed the L.C.E. because of the poor basic foundation they have had in the primary schools?

The 1970 Standard V Assessment Test results highlight the shockingly poor performance of Malay-medium students in mathematics and science, despite all the

Government's boast about the emphasis on science and mathematics, and new teaching methods.

The best State for both these subjects was Penang, where the percentage of failure for mathematics was 36.8% and for science 37.3%. The percentage of failure of other States in mathematics was as follows:

Perak	...	...	49.7%
Negeri Sembilan	...	...	58.7%
Melaka	...	...	60.9%
Selangor	...	...	61.3%
Johore	...	...	61.4%
Perlis	...	...	63.8%
Pahang	...	...	65.4%
Trengganu	...	...	65.7%
Kelantan	...	...	66.6%
Kedah	...	...	67.7%

The percentage of failures in other States for Science was:

Perak	...	...	43.6%
Selangor	...	...	45.7%
Melaka	...	...	47.1%
Negeri Sembilan	...	...	49.4%
Johore	...	...	51.3%
Perlis	...	...	53.0%
Pahang	...	...	54.3%
Trengganu	...	...	56.0%
Kelantan	...	...	56.4%
Kedah	...	...	58.9%

It is clear from these results that the standard of education, in particular mathematics and science—which is to be the key to break the back of rural poverty and backwardness—is deplorably low. The Government calls on the Malay students to pay more emphasis on science subjects, but how can they do so when at their primary school level, they fail to secure any healthy elementary grasp of the subjects?

If there is to be any breakthrough, to achieve a more balanced educational structure with greater emphasis on science, and de-emphasis on arts, language and religious subjects, then a strong base at the primary level must be laid. It is a most short-sighted, foolish and thick-headed policy to send students who cannot grasp their subjects in primary school levels up to secondary forms,

for this is not only a waste of public funds, but will breed in the minds of the students concerned a sense of inferiority complex and social resentment for they will be condemned to live as failures.

Before we leave the subject of Standard V Assessment Test, I want to briefly look at the results of the English-medium and Chinese-medium primary schools, to show that even in these schools, the standard of education had deteriorated badly. Thus for Chinese-medium primary schools in the 1970 Standard V Assessment Test, in Selangor, 71.3% failed the Bahasa Kebangsaan paper, 44.9% failed the Chinese paper, 58.8% failed the Lower English paper, 48.2% failed the mathematics paper and 48.9% failed the science paper. Selangor, in fact, had the distinction in 1970 of having the worst results in every one of the five assessment test subjects.

For the English-medium primary schools, for the 1970 Standard V Assessment Test, in Perak, 56.3% failed in Bahasa Kebangsaan, 49.9% failed in English, 46.7% failed in mathematics and 48% failed in science.

Although as a whole, the Chinese-medium and English-medium schools do better than the Malay-medium schools, yet their results are not such as to be proud about for they have an unusually and undesirably high percentage of failures. I can only shudder to think of the further deterioration of results and standards in the hitherto English-medium primary schools, as a result of the very poorly conceived and executed conversion of the medium of instruction from English to Bahasa Malaysia.

There had been various Commissions and Committees in the country on educational issues, like the Aziz Royal Commission on the Teaching Services in West Malaysia and the 1962 Committee on Higher Education Planning. But there has not been a single Committee or Commission on the standards of education of our 1.7 million primary and secondary school students, to ascertain whether they are learning the right things, or whether they are learning anything at all.

There is no use spending hundreds of millions of dollars a year if all that we are going to do is to churn out hundreds of thousands of young Malaysians who cannot even be said to be literate, and who are

strangers to the three Rs. No wonder, Ministers and top Alliance leaders are sending their children abroad for their education.

I call on the Government to set up a Royal Commission of Inquiry to inquire into the educational standards of the 1.7 million primary and secondary school students, to find out how to make use of every dollar allocated to the Education Ministry to turn out an educated young generation of Malaysians, and not a generation of "educated" illiterates. Such a Royal Commission of Inquiry should inquire into the causes for the shockingly low standards of education in Malaysian schools, particularly in national schools, to identify the root factors and suggest remedies. Such a Royal Commission of Inquiry will have to inquire, as part of its terms of reference, the great problem of school drop-outs, the economic and environmental factors working against the poor pupils.

The gravity of the problem of low educational standards, the high percentage of failures, the high rate of unemployment among the young Malaysians between the ages of 15 and 24, the crying need of the country for a science-oriented educational system, all call for such a high-powered and comprehensive inquiry.

I know the Parliamentary Secretary to the Ministry of Education, who is holding the fort today in the absence of the Minister of Education who is in Laos to attend an Education Ministers' Conference, will not be able to give a decision on this. I commend my proposal, however, to the Minister of Education and the Cabinet for their serious consideration.

We have heard a lot about the problem of school drop-outs, but sad to say, the Ministry of Education has to-date done little to tackle the problem apart from making press statements. I would like to give three proposals for the solution of this problem of drop-outs for consideration by the Ministry:

- (1) *Modification of the automatic promotion system.*

Many students dropped out of school because they could not understand the lessons and subjects taught in class. Thus, those who failed in the

Standard V Assessment Test are promoted onwards year by year till Form III. It is obvious that with every passing year, they are going to absorb less and less with their weak primary base, and very soon their school lessons will simply go over their heads. In fact, I will trace the large percentage of failures and low standards of education to the automatic promotion system. This system has done more harm than good to the pupils, especially in the national schools. I, therefore, call for a modification of the automatic promotion system to allow pupils who do not attain the required standard to be retained in a particular standard or form, so that his gap in education can be narrowed to permit him to continue his studies.

(2) *Compulsory free nine-year education.*

The Government should introduce compulsory free nine-year education for every child, so that no parent will withdraw his child from school because of social, environmental or economic reasons—thus blighting his child's future.

(3) *Economic assistance to poor students.*

The enactment of nine-year compulsory free education however, will not solve the problem of drop-outs by itself. It must be accompanied by a Government programme to help overcome the socio-economic reasons of poverty causing the school drop-outs.

Firstly, the Government should, as suggested by my colleague the Member for Kampar, introduce a nation-wide scheme to provide free hot meals for the poor school children. As my colleague has said, just a glass of milk and a loaf of bread per pupil can and will make a big difference to their health as well as to their study performance.

Secondly, the Government should relieve the economic burdens of the poor when sending their children to school, although there is free primary education.

One very grave problem is the burden of text-books on the poor. The poor parents and guardians and those in the low-income bracket await the beginning of each new

year with dread and horror, for with the opening of each school year, the poor parents in the urban slums, new villages, estates and kampongs are hard-pressed to find money to buy their children's text-books, school fees for those in secondary forms, miscellaneous fees, money for transport, uniform and pocket expenses for their children.

On the average, a parent with five children in school will have to raise \$150 to \$200 just to buy new text-books and make other initial arrangements for their children's schooling. For the poor farmer, fisherman, hawker and estate labourer, who may not earn \$100 a month, it is clear that this is an impossible burden. As a result, we find in many schools, children going without some text-books all the year round. No wonder, the children of the poor get bad results and remain poor.

What is unjustifiable is the frequent change of text-books, despite repeated assurances to the contrary by the Ministry of Education. A younger brother or sister finds that the text-books his elder sister or brother had used is no more usable. While the poor suffers at the beginning of each school year, there are people who beam and jump with joy. These are the book publishers and those involved in the book trade, for they do a roaring trade and make a phenomenal profit. But a Government which cares and feels for the suffering, the education and the future of the poor will not allow such an indefensible position to go on. It would take immediate steps to ensure that the text-book problem ceases to be an oppressive problem on the poor every school year opening.

I remember that when I was schooling, I did not have to buy a single text-book. There was in my school, the Batu Pahat High School, a school text-book loan system. At the beginning of each school year, the text-books were given out to the students on loan, and each student had to pay only a nominal sum of a few dollars for the loan. At the end of the year, the books were returned to the school and used by the next year's batch of students. There will, of course, have to be provisions for loss of books, replacements, etc., but these are merely administrative problems.

It is ironical that we hear so much about the improvements which Malaysia has achieved as a result of independence and the

throwing off of colonial rule. But here is one instance, where during the colonial rule, the parents of the poor and have-not class were well looked-after and did not have problems about finding money to buy new text-books for their children. Of course, during the colonial days, there was no pressure group on the Government for a system for the largest turnover of sale of text-books every year so that book publishers can annually make a big profit. We know that today many in the book trade are top Alliance leaders.

I call on the Minister of Education to devise a system where the poor in the kampongs, new villages, estates and urban slums do not have to worry at the beginning of each year as to where to find the money to buy text-books for their children. It can introduce the school text-book loan system, as I mentioned just now, or it can find another way. Whatever it is, it should not allow a handful of book publishers, even if they are in the Alliance Party, from waxing fat on the sufferings of the poor. The Ministry should also examine the whole pricing of school text-books, as the text-books are priced at so high a level as to give the book publishers a great margin of profit at the expense of the poor. This racket must be stopped.

Finally, Mr Chairman, Sir, there is an urgent need to restructure higher education in Malaysia to meet Malaysia's need for scientists, engineers, doctors, technologists and agricultural scientists, which we are so short of and cut down on the superabundance of graduates on languages, religions and other arts subjects.

In 1962 a Higher Education Planning Committee was set up to project the higher education needs of the country. As a result, a Higher Education Council was established. This Council was no sooner established than it became defunct. This, I submit, illustrates vividly the irrationalities of the higher education planning of the Government.

I urge the Government to broaden University education so that it can not only train the vast number of skilled manpower Malaysia so sorely needs, but also to stop making university education a privilege as it is today when only one per cent in each age group can receive university education. Compared to other advanced countries, Malaysia should have more universities to meet her national

needs. I therefore call on the Minister to seriously consider establishing more universities including a University of Malacca to cater to the higher education needs of the people in South Malaya. I also call for the revival of the Higher Education Council to help plan the higher education needs of Malaysia. Thank you.

Tuan V. Veerappen: Tuan Pengerusi, saya suka berchakap sedikit atas Pechahan-kepala (Kod) 4100, muka 146, dan saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I agree with the Honourable Member who spoke just now that the standard of education in our country has dropped tremendously and the figures that were given by the Minister before he left show that the drop-out rate has reached alarming proportions. It is also common knowledge today that thousands of school children leave schools without hardly knowing how to read or write and teachers throw up their hands in despair being unable to teach the children.

Although the Member for Bandar Melaka called for a Royal Commission and also suggested various things, to my mind it appears that one of the main defects would be this—the large number of pupils who are put into one class. For example, a teacher is expected to teach a class of 55 students. This would hardly be possible, and he would not be able to devote proper attention to all his pupils, especially when we know that God has not endowed everyone of us with the same ability, and each child would have to progress at his own speed. We also know that in all communities or societies there may be about 20% ineducable people—people who cannot be educated however much we may try—and therefore provision must be made for these people so that they can move at their own pace.

The other thing which prevents students from moving at their own pace is the fact that teachers are compelled to stick to the syllabus—every year a teacher must cover a certain part of the syllabus. Every standard has its syllabus; each standard has its separate syllabus. So when the children are pushed from one class to another, even the children who have not covered the syllabus have to do something extra which they will not know. In other words, there is no basic foundation and there is no continuity in building up this

ladder of education, because the teachers are compelled to follow the syllabus. Today, as a result of this, you find our schools are just like creches where parents send their children to be taken care of by the teachers, who are well-paid, no doubt, to prevent them from running wild in the streets. If this is so, then it is a big waste of money. I would like to suggest in this respect that the children, especially in the big schools, should be streamed, and I think they are being streamed, and the teachers should follow the original syllabus from Standard One and continue with it without breaking. If this continuity is established, a child who has spent, say, 6 years in school might have done only half the whole syllabus—maybe after 6 years he would have learned only 3 years work. It is still better for him to have learned 3 years work in 6 years rather than to have spent 6 years and learned nothing.

I hope this suggestion can be accepted and an effort is made to see that teachers, especially in the "D" class, the "E" class and the worst classes, are encouraged to follow this. If this is to work, Sir, then the examination which is set must also be graded; in other words, the paper must be in three stages—one section should be within the means of the worst group to do something, say, one-third of the whole syllabus in 6 years; another section covers two-thirds; and the third section covers the whole. If this is done, then at least the boy who has learned 3 years work in 6 years would be able to do something and achieve something. As it is, parents take their children out because every year the Report Card comes to the parent, he looks at it in disgust—everything is "nought". He gets nought for every subject and he learns nothing. So, why should a parent keep his child in the school? Therefore, he takes him out. He might be useful in looking after the chicken in the house or in helping to tap rubber rather than to keep a fellow in school who learns nothing, virtually nothing, Mr Chairman, Sir. That is one reason why people take students out. Therefore, examinations also must be graded in a suitable way. I am not against the system of automatic promotion, as it has been found out that this is good because it helps the students. It is not the fault of automatic promotion as such; it is the method of use of this system where we do not allow the children to progress at their own speed.

The other factor for the poor standards is the condition of the schools. There are, Mr Chairman, Sir, many schools still with one or two teachers—one-teacher schools and two-teacher schools. The two teachers not only have to teach big classes but several standards: one teacher may have to teach three or four standards or even five standards. Now, how can you ever cope with that? In addition to that, the teacher also becomes the Headmaster, peon, sweeper, gardener and everything all-in. This is true, Mr Chairman, Sir, I am sure the Minister will tell you so. This is quite true because there are such schools. Fifteen years ago, Mr Chairman, Sir, the Razak Report on Education in 1956—I think in paragraph 64—stated that it was one of the aims of the policy to regroup the schools into larger schools, but till even today these schools exist and these schools are invariably found in estates which are scattered about; and these Tamil schools, which are mainly in the estates, have become the Cinderellas of the education system.

Now, some of the schools, Mr Chairman, Sir, are housed in make-shift bungalows and the students will have to share the school with the teacher's family—the teacher's family occupies one portion and the students occupy another portion. How can you expect students to learn in such circumstances? Some schools are in old factories and some are in make-shift sheds. Therefore, greater attention must be given to regroup our schools into larger schools of, at least, say, 200 to 300 students each and, if this is not possible, I suggest, Mr Chairman, Sir, that we should try and integrate these schools into the existing larger schools, so that we should be able to find in one school a Tamil stream, an English stream, a Malay stream and even a Chinese stream so that these schools could be big enough to cater for all the needs and have the facilities. Then the students will be able to learn together, play together, eat together and grow up as true Malaysians, thereby they will be able to fulfil our hope of building national unity and understanding among our students.

I urge the Government to sincerely consider this. I think it can be done. It can be done by grouping small schools into larger schools and integrate the various media of instruction in the same school. That is all, Mr Chairman, Sir. Thank you.

Tuan Haji Mohamed Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbahathan pada peringkat Jawatan-kuasa ini mengenai Kepala Bekalan 18, Kementerian Pelajaran. Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dalam Kementerian ini dua tiga perkara yang besar sahaja, ia-itu yang pertama ia-lah Pechahan-kepala 1100 (1) mengenai Pentadbiran 'Am, dan (2) mengenai Pengurusan Pepereksaan dan (3) yang mengenai Biasiswa atau Dermasiswa.

Tuan Pengerusi, dalam bahagian ini saya suka berchakap mengenai kelichinan pentadbiran Kementerian Pelajaran baik di-peringkat Kementerian, baik di-peringkat Persekutuan, Peringkat Negeri² dan juga sekolah².

Tuan Pengerusi, kerana saya tahu bahawa Kementerian Pelajaran ada-lah satu Kementerian yang amat kompleks sa-kali pentadbiran-nya. Hal ini berlaku ada-lah kerana Kementerian tersebut merupakan sa-buah Kementerian yang besar yang terpaksa berhadapan dengan dua perkara ia-itu dari segi professional dan dari segi pentadbiran 'am itu sendiri.

Tuan Pengerusi, peringkat Persekutuan, Kementerian Pelajaran di-tadbirkan menerusi dua saluran tersebut ini, ia-itu oleh dua jenis pegawai² yang berkait rapat antara satu dengan lain ia-itu dengan dua kategori yang saya sebut tadi. Bahagian professional di-ketuai oleh Ketua Pengarah Pelajaran ia-itu sa-orang yang ahli di-dalam bidang pendidekan pelajaran dan bahagian pentadbiran pula di-ketuai oleh sa-orang yang baik di-dalam bidang tersebut, ia-itu daripada pegawai MCS yang kanan.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini, saya kira tidak banyak menimbulkan masalaah terutama bila mana Kementerian tersebut memberi perhatian² yang baik, terutama dari segi penempatan guru² siswazah. Pernah terdapat pada masa yang lalu, guru² itu di-tempatkan pada sekolah² dan tempat² yang tidak sesuai dengan kelulusan² mereka umpama-nya guru² yang berkelulusan ekonomi di-tempatkan pada sekolah² yang ada Tingkatan V sahaja. Sedangkan sekolah² yang ada Tingkatan VI yang memerlukan pelajaran tersebut tidak ada guru-nya.

Tuan Pengerusi, ini mungkin-lah orang yang mentadbirkan penempatan guru² itu, mungkin ini bahagian perkhidmatan yang di-tadbirkan oleh pegawai² yang tidak tahu soal² professional dan kerana itu tidak efishen. Ini akan merosakkan bukan sahaja kapada pentadbiran, tetapi akibat-nya merosakan pelajaran kanak² dan merendahkan mutu pelajaran di-negara kita ini sendiri.

Tuan Pengerusi, pada peringkat Negeri² pula Pejabat Pelajaran di-ketuai oleh Pengarah Pelajaran Negeri² yang dahulu-nya di-namakan jawatan itu Ketua Pegawai Pelajaran dan timbalan²-nya. Kedua² soalan pentadbiran dan professional di-jalankan oleh mereka ini dengan bantuan Pengelola² dan Penolong² Pengelola Sekolah. Dalam perkembangan pelajaran hari ini tidak dapat di-nafikan bahawa makin ramai guru² siswazah yang di-tempatkan di-sekolah². Guru² siswazah ini pula sudah tentu, Tuan Pengerusi, ada di-antara mereka itu nanti akan di-lantek menjadi Timbalan² Pengarah Pelajaran Negeri², atau lain² pegawai yang lebeh tinggi. Kalau kita perhatikan sistem pentadbiran peringkat ini bahawa sa-lain dari pengarah², dan timbalan², pengelola² dan penolong² pengelola, ada-lah terdiri daripada mereka² yang berkelulusan Normal Inggeris zaman lalu dan mereka² ini tentu sa-kali tidak akan merasa senang hati untuk mentadbirkan guru² siswazah di-sekolah². Ini bukan-nya saya hendak mempertidakkan kebolehan dan pengalaman² pengelola² yang tersebut, tetapi demi perkembangan pelajaran yang pesat di-negara kita masa ini hal ini hendak-lah di-atasi.

Tuan Pengerusi, kalau maseh ada lagi FGO² yang menentukan hanya guru² Normal Inggeris sahaja yang layak memegang jawatan itu, sedangkan latehan Normal itu sendiri sudah hapus lama dahulu. Hendak-lah Yang Berhormat Menteri Pelajaran berikhtiar membuang anasir² penjajahan yang maseh terlekat, yang meninggikan ka-Inggerisan saperti itu dan yang tidak sa-jajar lagi dengan dasar pelajaran kebangsaan hari ini.

Tuan Pengerusi, jawatan² pengelola² itu patut-lah di-penohi oleh guru² siswazah yang telah banyak pengalaman. Ada dua kebaikan sa-kurang²-nya di-sini, pertama guru² itu di-naikkan pangkat-nya sa-bagai pentadbir dan memberi peluang mereka mengeluarkan inisiatif² untuk meninggikan

pelajaran di-Negeri² yang berkenaan di-samping melateh mereka itu supaya ber-pengalaman bila di-naikkan memegang jawatan Timbalan Pengarah Pelajaran di-Negeri² atau sa-bagai-nya. Kedua, mereka ini mempunyai kelayakan yang sesuai untuk mengawasi semua jenis guru² di-sekolah baik kelulusan maktab² atau universiti² dan tidak-lah menjadi jawatan² pengelola² atau penolong² pengelola dan sa-bagai-nya jawatan yang di-penohi, kerana susah hendak menempatkan mereka ka-sekolah² atau lain², sebab-nya tidak berkait dengan kemajuan pelajaran dan keefishenan pentadbiran.

Tuan Pengerusi, berbalek pula saya kapada pentadbiran yang efishen ini pada perengkat sekolah² terutama pada sekolah menengah yang besar². Urusan Guru Besar itu tentu sa-kali banyak dan menjadi lebeh tidak terator dan menyusahkan Guru² Besar itu jika sa-kira-nya mereka itu baharu di-lantek menjawab jawatan Guru Besar. Sa-tahu saya Kerajaan telah mengadakan latehan² khas kapada Pegawai² Pentadbir di-Dewan Latehan Pegawai, Jalan Ilmu, Kuala Lumpur dan Kerajaan juga menghantar pegawai² sa-tiap tahun melanjutkan pelajaran di-Jabatan Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Bahagian Pentadbiran Awam. Dan saya juga tahu bahawa tidak ada Pegawai Pelajaran atau Timbalan Pengarah² Pelajaran atau Guru² Besar terutama-nya di-hantar menerima latehan pada institusi² pentadbiran itu. Kalau ada pun yang di-hantar ia-lah ka-luar negeri dengan biasiswa Commonwealth atau lain².

Tuan Pengerusi, oleh itu, saya kira kalau hendak mengatasi masalah pentadbiran ini supaya menjadi lebeh afishen demi kepentingan pelajaran di-negara kita ini patut-lah Kerajaan memberi pertimbangan untuk menghantar Pegawai² Pelajaran terutama sa-kali Guru² Besar sekolah² yang besar di-serata negeri ini berlateh sama sa-kali dengan pegawai² lain atau di-buat khas bahagian pelajaran sahaja di-institusi² pentadbiran yang di-sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya berpindah pula kapada hal Perguruan Peperiksaan ia-itu dalam Pechahan-kepala 1100 juga Cheraian 4 dalam bahagian ini, saya perlu mendapat penjelasan² lanjut mengenai beberapa perkara dari Kementerian Pelajaran. Sa-panjang yang saya tahu bahawa

dalam chalun² menghadapi peperiksaan SRP atau LCE chalun itu di-kehendaki menulis nombor² index sahaja, tetapi dalam Peperiksaan SPM, STP dan Peperiksaan Latehan Guru ada-lah di-kehendaki menulis nama² chalun dan index-nya sa-kali. Ini dua perbezaan besar. Kenapa-kah berlaku-nya keadaan yang demikian? Ada-kah ini memandangkan pada perengkat yang lebeh tinggi boleh di-tulis nama² chalun tersebut? Tetapi mengikut pengetahuan saya chalun² di-universiti menjawab soalan² peperiksaan ada-lah di-benarkan menulis index masing² chalun itu sahaja.

Tuan Pengerusi, dari itu hal² yang demikian akan meragukan fikiran saya, terutama dari segi *bias* pemeriksaan kertas² jawapan tersebut. Kalau hal ini berlaku menimbulkan ketidak-adilan pada sa-tengah chalun² di-samping menguntongkan sa-tengah² chalun yang lain. Saya kira hal ini tidak berlaku dan tidak akan berlaku. Tuan Pengerusi, untuk mengelakkan sa-barang perasangka, di-kalangan ra'ayat terutama ibu-bapa² bahkan chalun² itu sendiri ada-lah lebeh selamat bagi Kerajaan menentukan hanya index² sahaja atau pun angka giliran² sahaja yang di-benar di-tulis pada kertas² jawapan peperiksaan chalun², baik Peperiksaan SRP (LCE) atau pun pada perengkat yang lebeh tinggi SPM dan juga STP.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, saya suka sentoh di-sini ia-itu berlaku-nya soalan yang bersalah dengan Sukatan Pelajaran yang di-hebohkan dalam akhbar baharu² ini yang terjadi pada peperiksaan baharu² ini. Sukatan yang di-tetapkan ia-lah Ranjau Sepanjang Jalan, tetapi soalan yang di-keluarkan ada-lah Salah Asohan. Di-mana letak-nya kesalahan ini. Ada-kah pada Cambridge atau dari mana kesalahan itu? Tuan Pengerusi, pada mula-nya saya berchadang kalau sa-kira-nya Kementerian menjawab: Ya, maka sudah sampai masanya kita mengelolakan sendiri peperiksaan di-negara kita ini. Dan saya tahu Kementerian Pelajaran sudah pun meranchangkan pada tahun ini sa-bahagian besar, bukan sa-penoh-nya, sa-bahagian besar pentadbiran mengenai Peperiksaan Cambridge ada-lah sedang di-ambil alih oleh Lembaga Peperiksaan yang juga mengambil alih Sijil Peperiksaan Pelajaran Malaysia pada akhir tahun 1971 ini. Memandangkan kapada bebanan² kerja Kementerian dalam soal

Lembaga Peperiksaan yang meliputi keseluruhan-nya pada tahun 1972 ini sa-banyak 585,800 orang ia-itu terdiri daripada peperiksaan penilaian Darjah V, Sijil Rendah Pelajaran, Ujian Kelayakan dan terus-nya sampai kepada Peperiksaan Sijil Perdagangan Malaysia, maka saya mengharap-kan kepada Kementerian ini berhati² dalam soal ini, sebab itu saya rasa gembira bila saya membaca buku Anggaran Belanja-nya ini ada terdapat di-Bahagian B. Oleh kerana pengambilan aleh sa-penoh-nya pentadbiran dan pengurusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dari Lembaga Peperiksaan Cambridge. Jadi, erti-nya pada tahun ini Kementerian Pelajaran sudah pun melangkah satu langkah untuk mengambil aleh Peperiksaan Cambridge ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga saya suka menyentuh di-sini ia-lah dalam bahagian Pechahan-kepala 1100 juga Cheraian 9—Bahagian Biasiswa ia-itu bantuan pelajaran kepada Guru² Kerajaan. Tuan Pengerusi, dengan bertambah-nya kemajuan pelajaran di-negara kita ini makin sa-hari makin ramai orang² yang melanjutkan pelajaran tinggi hingga di-perengkat universiti dan orang² yang sedarkan keperluan pelajaran tinggi benar² ada-lah terdiri daripada guru². Sa-tahu saya tiap² tahun ramai guru² yang melanjutkan pelajaran mereka ka-universiti. Sudah tentu hal ini amat menggalakkan kita semua, tetapi, Tuan Pengerusi, satu hal yang nyata seruan² pemimpin kita supaya guru² melanjutkan pelajaran hingga ka-perengkat yang tinggi tidak pula mendapat layanan kemudahan yang baik dari pihak Kerajaan atau Kementerian Pelajaran sendiri, barangkali hal ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menyatakan bahawa kemudahan² telah di-beri seperti memberi chuti mereka belajar dan memberi pula gaji sa-paroh pada siswazah² bekas guru Kerajaan sa-lama 540 hari dalam masa tiga tahun. Tetapi kita hendak-lah sedar bahawa guru² telah berkorban banyak untuk masuk universiti, mengorbankan gaji-nya separoh dan 18 bulan lagi tidak bergaji langsung. Mereka ada yang sudah beranak isteri dan tentu-nya penanggungan mereka itu amat berat sa-masa di-universiti, hanya sa-takat itu sahaja yang menerima perhatian Kementerian dan kalau sa-takat itu sahaja tidak-lah ada timbal balas yang sesuai antara seruan Kerajaan keperluan negara yang mendesak dengan layanan yang amat rendah itu.

Tuan Pengerusi, oleh kerana itu saya berpendapat dalam bahagian ini perlu-lah Kerajaan menimbangkan sa-mula bayaran bantuan Kerajaan kepada guru² Kerajaan ini di-beri hingga sampai sa-kurang²-nya tiga tahun. Erti-nya sa-hingga tamat pelajaran mereka di-universiti. Kira-nya mampu patut sa-kali di-beri gaji penoh sa-lama tiga tahun itu. Ini ada-lah memikirkan pengorbanan yang di-tanggung oleh guru² tersebut dan jasa²-nya kepada negara sa-belum itu serta menaruh harapan mereka akan menjadi guru yang baik sa-lepas tamat-nya mereka dari pengajian di-universiti. Dari pengalaman yang sedia ada di-tambah dengan pelajaran yang tinggi akan menimbulkan kesedaran kebangsaan yang baik dan menyediakan diri mereka itu menjadi guru dan Pegawai² Pelajaran yang lebeh bermutu. Sekian, terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Minta pendekan. Masa ada 20 minit lagi, ada satu dua Ahli boleh berchakap lagi.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, kami ra'ayat negeri Sarawak berasa gembira mendapat peruntukan yang banyak daripada Kementerian Pelajaran seperti terchatit di-bawah Kepala B. 19 terbahagi kepada berbagai Pechahan-kepala yang saya tidak sebut satu² di-sini kerana menjimat masa untuk berchakap.

Dato' Pengerusi, sungguh pun begitu kami maseh berasa dukachita tentang sistem pelajaran di-negeri Sarawak seperti yang ada pada hari ini maseh lagi menggunakan sistem penjajah dahulu, mithal-nya berhubung dengan Peperiksaan Bersama Darjah VI (Common Entrance Examination Primary VI) yang melimparkan beribu-ribu orang budak² yang gagal dalam peperiksaan itu ka-tepi jalan kerana tidak dapat markah tinggi untuk memasoki Tingkatan Satu di-Sekolah Rendah Kerajaan atau pun di-sekolah rendah yang di-bantu oleh Kerajaan. Kebanyakan-nya budak² yang menjadi mangsa masalah ini ada-lah anak² bumi-putra yang miskin, yang berumor di-antara 12-13 tahun yang belum dapat hendak membuat kerja apa² lagi.

Memandang kepada hal yang demikian Tuan Pengerusi, dengan perasaan yang sedeh kami sa-bagai wakil ra'ayat dalam Dewan ini merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya membantu kami menghapuskan sistem seperti itu di-negeri Sarawak dengan

sa-berapa segera. Welau pun perkara ini saya sendiri telah dengar dalam Dewan ini menjadi tanggung-jawab Kerajaan negeri Sarawak. Maka apa-lah salah-nya jika Kerajaan Pusat atau Kementerian Pelajaran memberi bantuan seperti yang di-kehendaki oleh Kerajaan Champoran Sarawak sekarang ini. Ra'ayat Sarawak yang ta'at setia sedar ia-itu mereka ada-lah sama juga seperti orang² Melayu dan sa-bagai-nya di-Malaysia Barat.

Dato' Pengerusi, Sarawak telah merdeka memasuki Malaysia hampir 10 tahun sudah. Ra'ayat Sarawak sekarang ini mahu hak keistimewaan mereka di-beri perhatian yang sa-wajar-nya, lebeh² lagi di-bidang pelajaran atau latehan dan kemudahan khas yang patut di-beri oleh Kerajaan Pusat supaya lepasan sekolah yang berkelayakan dari Sarawak di-beri peluang belajar mithal-nya di-Kolej Pertanian atau Teknikel Kolej, MARA mahu pun ka-Universiti.

Dato' Pengerusi, mujor juga negeri Sarawak dengan ada-nya penukaran Kerajaan Champoran yang berkuasa sekarang ini dapat mengubah nasib orang² yang selalu kita katakan kais pagi makan pagi untuk menikmati kemerdekaan ibu pertiwi mereka. Lebeh² lagi dengan ada-nya Yayasan Sarawak yang ada sekarang sedang di-lancarkan yang mendapat sambutan 100% dari semua golongan ra'ayat dalam negeri Sarawak. Dengan harapan anak² orang yang miskin baik pun di-Sarawak mahu pun Malaysia seluroh-nya bertambah cherah untuk mendapat biasiswa² untuk melanjutkan pelajaran demi kepentingan bangsa Malaysia dan jenerasi akan datang. Di-sini ingin juga saya mengambil kesempatan meng-uchap tahniah dan terima kaseh yang ikhlas kapada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak di-atas usaha beliau menjayakan Yayasan Sarawak demi kepentingan bangsa dan negara Malaysia seluroh-nya.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit tentang IGC Report mahu pun London Agreement seperti yang telah di-katakan oleh Yang Berhormat Ahli dalam Dewan ini sedikit masa dahulu yang sentiasa bertahan kapada perkara itu. Saya anggap IGC Report atau London Agreement di-buat bagi kepentingan pegawai² yang tertentu sahaja lebeh² lagi hak penchen pegawai² penjajah dahulu dalam negeri Sarawak

dengan menyekat di-bidang pembangunan mahu pun pelajaran bumiputra di-Sarawak. Dengan ini juga, saya menyokong Bekalan Belanjawan B. 19 untuk Malaysia Timor. Terima kaseh.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Pengerusi, di-dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Pelajaran ini saya suka berchakap dengan rengkas dalam dua tiga perkara: Pertama pelajaran rendah dan menengah, pelajaran ugama dan satu dua lagi.

Tuan Pengerusi, berchakap mengenai pelajar² ugama di-luar negeri, saya suka menarek perhatian Kementerian ini terhadap pelajar² kita sa-ramai lebeh daripada 300 orang yang sedang belajar di-berbagai² institute ugama di-Indonesia, sama ada di-bawah pemerintah atau pun swasta. Sabahagian dari bilangan ini menurut apa yang saya tahu belajar di-sekolah² yang bukan sahaja tidak di-aku² oleh Kerajaan kita, tetapi juga tidak di-aku² oleh pemerintah Indonesia. Soal ini tidak-lah patut di-pandang ringan oleh pihak Kerajaan khas-nya Kementerian Pelajaran kerana beberapa masaalah akan kita hadapi pada masa akan datang. Kerana ini ada-lah tidak adil kalau di-biarkan sa-sorang itu menghabiskan masa, wang dan umur-nya di-luar negeri, kemudian apabila tamat kelak mereka meng-hadapi masa hadapan yang gelap oleh sebab soal² pengiktirafan terhadap sijil kelulusan mereka. Pada masa yang lalu pihak Kement-erian telah pun menghantar rombongan untuk membuat kajian di-pusat² pengajian tinggi di-Indonesia dalam jurusan perubatan, sains dan sastera dan hasil dari kajian itu, Kerajaan telah menghantar beberapa banyak pelajar kita menuntut dalam jurusan tersebut. Oleh itu, saya berharap dan mengeshorkan kapada Kementerian supaya menghantar satu rombongan untuk mengkaji kedudukan pusat² pengajian tinggi Islam di-Indonesia supaya satu gambaran yang lengkap dan sa-benar mengenai pusat² pengajian tersebut berada di-Kementerian ini, dan sa-lanjut-nya panduan² yang berguna dapat di-beri kapada pelajar² ugama yang akan melanjutkan pelajaran mereka di-Indonesia kelak.

Soal yang kedua, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang kita tahu beberapa tahun yang lalu Kementerian telah pun membuat kajian terhadap beberapa buah sekolah ugama negeri² sa-bagai langkah untuk

meletakkan sekolah itu sa-kurang²-nya sa-buah bagi tiap² negeri di-bawah Kementerian Pelajaran. Tujuan-nya ia-lah untuk mengeluarkan bakal mahasiswa untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam Fakulti Islam di Universiti Kebangsaan dan lain² Fakulti yang sesuai. Tetapi sa-hingga ini hasil kajian dan rundingan dengan sa-tengah² Kerajaan Negeri tidak pun ternyata apa² hasil. Oleh itu saya berharap kepada Kementerian ini mengambil alih sekolah² tersebut dengan sa-berapa segera sa-kurang²-nya sa-buah bagi tiap² negeri supaya kita tidak sahaja mempunyai Fakulti Islam atau pun pengajian di-peringkat tinggi tetapi juga kita mempunyai sekolah rendah, sekolah² menengah rendah dan atas yang menyediakan dan memberi pelajaran² asas kepada bakal mahasiswa Fakulti Islam dan Universiti Islam kelak.

Soal yang ketiga dan akhir, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai kedudukan sekolah rendah. Mengenai sekolah rendah, saya suka menarik perhatian Kementerian ini mengenai Sekolah Pusat Kebangsaan Kemaman. Sekolah ini terletak-nya lebeh kurang 3 batu daripada Chukai ia-itu satu kawasan yang tidak mempunyai ramai penduduk² di-situ. Untuk menghidupkan sekolah ini Pejabat Pelajaran telah membuat satu peratoran ia-itu kanak² dari Chukai, dari kawasan dan kampung² yang tertentu dikenakan kepada mereka supaya menghantar anak² mereka ka-sekolah pusat walau pun mereka tinggal berhadapan dengan Sekolah Kebangsaan Chukai yang tidak berapa ela daripada rumah masing². Mereka terpaksa mengeluarkan belanja untuk tambang bas anak² mereka ka-sekolah yang jauh 3 batu itu. Ini ada-lah satu kesilapan yang di-lakukan oleh pihak Pejabat Pelajaran dalam memilih tapak sekolah, dan kenapa-kah kesilapan ini di-bebankan kepada orang ramai sa-hingga menyebabkan berapa ramai penduduk² dalam daerah Chukai tidak menghantar anak² mereka ka-sekolah. Pada pendapat saya, untuk mengatasi soal ini, saya berharap Kerajaan akan menimbangkan untuk membesarkan Sekolah Chukai dengan mengadakan bangunan 2 tingkat dan Sekolah Kebangsaan Pusat ini yang mempunyai kawasan sa-luas 25 ekar di-jadikan Sekolah Berasrama penoh sains bagi menampung pelajar² di-daerah Kemaman. Kalau langkah ini tidak di-ambil dengan segera maka makin ramai kanak²

pada tahun akan datang tidak akan bersekolah. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, pandangan saya dan saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian berchakap di-dalam soal Kementerian Pelajaran ini B. 18 Kepala 1100 Cheraian (4) ia-itu berkenaan dengan peperiksaan. Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran mengambil perhatian ada di-antara sekolah² di-negara ini yang telah melarung murid sekolah-nya daripada memasuki peperiksaan HSC sa-telah murid itu membayar wang peperiksaan tetapi dia telah melanggar peratoran disiplin sekolah itu dan dia di-buang. Saya telah mendapati ada sa-orang penuntut mengaji di-MARA dan dia telah di-buang daripada sekolah itu kerana melanggar tata-tertib pada bulan Ogos. Pada hal dia telah menjelaskan wang peperiksaan-nya sa-bagaimana dikehendaki oleh Kerajaan dan kanak² itu telah merayu kepada saya, saya telah pergi menghadapi Kementerian Pelajaran (Pengaruh Pelajaran) dan dengan pihak Pengarah Pelajaran dan Pengawal Peperiksaan telah berikhtiar dan berusaha hendak memberi peluang kanak² itu masuk peperiksaan sa-hingga Pengarah Pelajaran telah membuat satu surat kepada Pengetua MARA sudi menerima budak ini ka-dalam peperiksaan, tetapi Pengarah MARA itu telah tidak juga membenarkan-nya, akhir-nya kanak² itu tidak-lah dapat masuk peperiksaan, dia telah pun terbuang dan peluang itu tidak-lah dia dapat periksa akhir-nya dia telah membawa diri pergi keluar negeri berjalan kaki kerana putus harapan. Maka saya harap pihak Kementerian Pelajaran mengambil satu perhatian ada-kah lebeh berkuasa Kementerian Pelajaran daripada Pengarah Sekolah itu yang boleh membuang budak dan tidak membenarkan dia masuk dalam peperiksaan-nya.

Yang kedua, baharu 3 hari ini saya balek ka-Ipoh, pada biasa-nya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu memilih kanak² yang masuk ka-sekolah berasrama kerana kebaikan di-dalam peperiksaan mendapat 6 Distinctions dalam peperiksaan LCE dan Kerajaan telah memilih kanak² itu masuk ka-Sekolah Tun Fatimah, Tunku Khursiah, Malay College, Tun Abdul Razak atau Sekolah Tuanku Abdul Rahman daripada luar bandar dan pergi-lah kanak² periksa doktor dengan tidak di-kenakan membayar wang walau satu sen pun. Tetapi hari ini alang-kah

terkejut-nya ibu bapa kanak² itu dan saya memerhatikan semalam di-Ipoh ada dua orang kanak² yang telah di-pilih anak-nya masuk ka-Sekolah Tunku Khursiah, apabila hendak pereksa doktor dia kena membayar wang \$25. Maka menangis-lah orang tua itu dan di-bawa-nya-lah anak-nya balek kerana tidak ada upaya dia hendak memasokkan anak-nya ka-Sekolah Menengah. Dan termasuk-lah juga sa-orang daripada-nya anak saya, tetapi anak saya bapa-nya ada duit—bayar-lah. Jadi, saya berharap pehak Kementerian Pelajaran mengambil perhatian nasib anak² di-luar bandar yang miskin, yang otak-nya chergas, yang cherdek yang dia berchita² hendak menunaikan janji Kerajaan tentang teknologi dan sains tetapi teknologi dan sains ini dia tidak ada apakan daya. Jika Kerajaan mengenakan satu sekatan dengan pembayaran pereksa doktor \$25, maka hampa-lah mereka itu balek ka-kampung. Ini-lah untok saya rayukan dalam Dewan ini. Sekian, Dato' Pengerusi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Dato' Pengerusi, sa-chara ringkas sahaja saya ingin mengambil bahagian, ia-itu pertama sa-kali yang ingin saya sebutkan ialah tentang Pelajaran Rendah dan Menengah. Saya ingin menyebut dan mengingatkan kapada pehak Kementerian Pelajaran bahawa sa-sungguh-nya sekarang ini di-mana² sahaja dalam negara kita ini terdapat sambutan daripada ra'ayat untok menghantar anak² ka-sekolah sama ada Sekolah Menengah atau pun Sekolah Rendah. Kemudian yang menjadi masaalah apakala mereka telah menghantar anak²-nya ka-Sekolah Rendah, Sekolah Menengah terdapat bahawa kedudukan anak² mereka tidak memuaskan di-mana sa-tengah² sekolah tidak mengambil berat tentang buku² kerja atau pun pengajaran² yang di-beri kapada pelajar².

Dato' Pengerusi, hal ini berlaku kerana saya sendiri dapati beberapa orang daripada budak² yang duduk di-Darjah I daripada awal tahun sa-hingga akhir tahun satu buku kerja yang ada di-pakai di-sekolah itu sah-lai pun tidak di-tulis dan yang kedua-nya budak yang belajar di-sekolah itu tidak boleh membacha A sampai Z, walau pun sa-tahun bersekolah dan saya ada mempunyai ma'alumat² dalam hal ini, dan saya membuat perhubungan dalam hal ini, Dato' Pengerusi, saya dapati keadaan kurang memuaskan dan kalau kita hubungkan dengan Guru Besar, maka Guru Besar di-sekolah² yang berkenaan

meminta ma'af supaya jangan di-tekanan lebeh banyak dan pehak Guru Besar yang berkenaan akan mengambil tindakan. Saya bersetuju dengan tindakan yang hendak di-ambil oleh Guru Besar yang berkenaan itu tetapi sa-benar-nya hal ini ia-lah sa-mata² kerana semangat sa-tengah² guru² yang mengajar di-Sekolah² Rendah tidak begitu tinggi. Hal ini, saya ingin menekankan tentang latehan yang di-berikan oleh pehak Kementerian Pelajaran ketika mana guru² itu mengikuti kursus² di-Maktab² Perguruan masing² bagaimana kursus yang di-beri adakah semangat didikasi, semangat yang benar² bertanggung-jawab sa-bagai pemimpin jenerasi di-masa² yang akan datang di-tanam dalam jiwa guru². Kalau-lah dengan keadaan yang bagini, saya sungguh kechewa dan ra'ayat sungguh kechewa, apa lagi jikalau sekolah² itu Sekolah Melayu dan ada kedapatan sa-tengah² pendapat daripada kalangan ibu bapa yang mengatakan kapada saya bahawa saya lebeh baik menghantar anak saya ka-Sekolah China daripada Sekolah Melayu, kerana sa-kurang²-nya Sekolah China pandai tiga bahasa, ia-itu Bahasa China, Melayu dan bahasa Inggeris. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengambil perhatian hal ini benar² supaya kejadian saperti itu tidak akan berlaku lagi, tambahan pula sa-bagaimana yang kita dengar bahawa kegagalan murid² di-peringkat Pepereksaan SRP, LCE, SPM, MCE dan sa-bagai-nya ada-lah hasil dari asas pengetahuan yang di-tanam di-Sekolah² Rendah tidak begitu memuaskan, khas-nya di-bidang sains atau pun di-bidang Teknologi di-mana penyampaian pelajaran di-Sekolah² Rendah tidak begitu memuaskan, tambahan pula alat² kelengkapan-nya tidak ada.

Dato' Pengerusi, saya ingin menyebutkan dan mengambil perhatian dalam hal ini, kerana saya dapat tahu di-sekolah² lain daripada bandar² besar alat² kelengkapan untok bidang sains tidak begitu memuaskan, apatah lagi kalau di-Tingkatan VI—kita bandingkan sahaja di-Kuala Lumpur di-Tingkatan VI ada berpuluh² kelas Tingkatan VI (Sains), sa-balek-nya di-Pantai Timor, mithal-nya di-Trengganu Tingkatan VI berkurangan. Demikian juga di-tingkatan² yang lain yang ramai murid²-nya, tetapi alatan-nya tidak chukup dan kelas-nya tidak memuaskan. Saya harap pehak yang berkenaan mengambil perhatian dalam hal ini dengan sa-benar²-nya.

Boleh saya sambong sedikit lagi, Dato' Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Chukop-lah, sudah lebeh satu minit!

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kaseh di-atas tegoran² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat di-atas perkara² yang di-bangkitkan di-dalam perbahathan ini. Saya akan mengambil perhatian di-atas perkara² yang telah di-bangkitkan itu.

Di-sini saya ingin menyatakan bahawa saya tidak berhajat hendak mengulas semua perkara² yang telah di-bangkitkan, walau pun ini tidak berma'ana tegoran² itu tidak diambil perhatian. Saya hanya akan mengulas perkara² besar yang telah di-bangkitkan dan yang belum lagi di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar telah menyebutkan mengenai perubahan sekolah² aliran Inggeris kepada Sekolah² Kebangsaan, ia-itu menjadi sekolah² aliran Bahasa Malaysia di-mana beliau mengatakan bahawa bekas Menteri Pelajaran telah memberi jaminan bahawa guru² yang chukup dan berkelayakan dalam bahasa Malaysia akan di-sediakan. Beliau juga menyatakan bahawa Latehan Perguruan untuk guru² yang di-adakan di-Maktab Perguruan Bahasa dan Maktab Perguruan Kota Bharu tidak memberi kesan atau "ineffective." Saya suka menyatakan di-sini bahawa Kementerian Pelajaran ada membuat persediaan yang chukup terlebih dahulu sa-belum mengubah bahasa pengantar sekolah² pada awal tahun 1970 daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia. Semua guru² yang mengajar Darjah I, II dan III memang sudah mahir di-dalam bahasa Malaysia mereka dan mereka juga boleh mengajar di-dalam bahasa Malaysia.

Kursus² yang berjalan pada masa ini merupakan sa-bagai persediaan terhadap perubahan yang akan berlaku pada tahun 1973 dan sa-terus-nya.

Semenjak perubahan bahasa pengantar ini darjah atau mutu pelajaran di-Darjah² I, II dan III di-sekolah² yang terlibat itu tidak mundor malahan mungkin bertambah baik. Kursus tiga bulan itu di-rasakan menchukupi dan sesuai. Semua guru² memang sudah faham akan bahasa Malaysia. Dan apabila

mereka mengambil kursus pre-service dahulu mereka memang sudah lulus di-dalam Bahasa Malaysia. Apa yang di-buat sekarang chuma memberi latehan amali dan lisan kepada guru² supaya mereka itu lebeh chekap lagi mengajar dan menggunakan bahasa Malaysia di-dalam darjah².

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menimbulkan perkara peruntukan Universiti Kebangsaan. Beliau menyatakan oleh kerana tapak Universiti ini telah pun di-tetapkan peruntukan-nya harus di-tambah. Saya suka menyatakan di-sini bahawa oleh kerana tapak Universiti ini telah pun di-umumkan, maka Kementerian akan menyediakan peruntukan tambahan bagi melaksanakan projek tersebut.

Dan mengenai perkara sistem pertukaran guru² saperti mana yang di-bangkitkan oleh beliau, kita akan menyelidek perkara ini dan akan memperbaiki-nya dari sa-masa ka-samasa.

Ahli Yang Berhormat dari Batu menyebut tentang sistem pelajaran dan menyuarakan supaya ratio di-antara penuntut² arts dan sains di-tukar dan ikut saperti yang di-chadangkan oleh Jawatankuasa Majlis Tinggi Pelajaran. Ratio yang di-chadangkan oleh Majlis Pelajaran Tinggi ia-lah 60 sains dan 40 arts. Kementerian Pelajaran memang sedar atas hal ini dan menchuba sedaya upaya untuk menchapai ratio tersebut. Walau bagaimana pun sa-bagaimana yang di-sedari oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri ini tidak dapat di-buat dengan serta merta. Salah satu daripada kesusahan² yang di-hadapi ia-lah mengenai kekurangan guru² sains yang berijazah.

Beliau juga menyebut tentang gaji dan sharat² perkhidmatan bagi kakitangan² sekolah sa-lain daripada guru². Saya suka mengumumkan di-sini bahawa tarikh pelaksanaan gaji baharu dan sharat² perkhidmatan bagi gulongan kakitangan² ini ia-lah 1hb Januari, 1970. Dan tarikh 1hb April, 1972 ia-lah tarikh pengeluaran surat perkelilingan dan kaki-tangan² ini akan di-beri masa tiga bulan untuk membuat pilehan sendiri daripada tarikh tersebut. Perkara ini telah terkandung di-dalam siaran akhbar yang telah di-keluarkan pada 21hb Januari, 1972.

Ahli Yang Berhormat dari

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi. Ada-kah Kementerian Pelajaran berhubung dengan kesatuan tersebut supaya masalah² yang akan di-timbulkan boleh di-atasi dengan sa-berapa chepat-nya?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Pengerusi, kita akan chuba berusaha dengan sa-baik²-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Trengganu Tengah menyebut beberapa perkara berkenaan dengan Dewan Bahasa dan bekalan buku² teks dan rampaian. Perkara ini ada-lah di-ma'alumi dan akan di-siasat. Saya akan memberikan perhatian yang istimewa terhadap masalah² yang telah pun di-kemukakan oleh beliau itu. Yang sa-benar-nya sa-tengah daripada masalah² ini ada-lah di-dalam kajian. Untuk ma'alumat Ahli² Yang Berhormat, semenjak daripada tahun lalu Dewan Bahasa telah pun menurunkan harga buku²-nya terutama buku² teks yang di-gunakan di-sekolah² untuk mengurangkan bebanan ibu bapa terutama mereka yang miskin daripada menanggung belanja yang besar untuk membeli buku² teks pada tiap² tahun. Buku² ini memang terdapat dalam senarai buku² yang boleh di-gunakan di-sekolah² dan telah pun di-persetujukan oleh Biro Buku² Teks.

Ahli Yang Berhormat dari Besut juga telah menyuarakan supaya sekolah² rendah Darjah I, II dan III di-bena di-tempat kanak² itu tinggal dan Darjah IV ka-atas di-pusatkan dan asrama juga di-adakan bagi sekolah² ini. Soal sekolah² kechil ini juga telah di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan tadi. Saya ingin menyatakan di-sini bahawa ini memang menjadi dasar Kementerian Pelajaran dan perkara ini akan di-laksanakan di-mana² yang boleh. Walau bagaimana pun, saya rasa ada-lah berfaedah juga jika saya memberi sedikit latar belakang mengenai perkara ini.

Di-antara 2,300 buah sekolah² kebangsaan di-Malaysia Barat lebih daripada 1,500 buah, atau 65% mengandungi kurang daripada 300 orang murid². Dan 349 buah sekolah² ini mengandungi kurang daripada 100 murid². Sekolah² yang terlampau kechil bilangan murid-nya ini memberi kesulitan dari segi kewangan, pentadbiran pembahagian guru dan sa-terus-nya ranchangan² untuk meninggikan lagi taraf pelajaran di-sekolah² tersebut. Amat-lah sukar bagi sekolah²

saperti ini hendak mengadakan ranchangan pembangunan saperti mana sekolah² yang besar. Sekolah² kechil juga menyukarkan pehak Jabatan Pelajaran untuk membahagi²-kan guru² besar dan guru² yang berkelayakan tinggi, oleh kerana guru² saperti ini ada-lah terhad bilangan-nya dan sudah tentu-lah keperluan² sekolah² yang lebih besar harus di-utamakan dari segi bilangan murid²-nya.

Di-antara Sekolah² Rendah Kebangsaan yang kechil² ini ada kedapatan sekolah² dimana murid²-nya terlampau sedikit untuk mendapat sa-orang guru bagi tiap² buah darjah. Memang-lah jelas bahawa sekolah² yang terlampau kechil tidak akan dapat memberi pelajaran dan didekan yang bermutu kapada murid²-nya. Oleh itu, sekolah² ini mesti-lah di-chantomkan menjadi unit² yang lebih besar. Dasar ini sudah menjadi amalan Kementerian Pelajaran semenjak 10 tahun yang lalu, tetapi untuk menjalankannya, dengan sa-penoh-nya, ada-lah menjadi satu masalah yang sukar kerana ini berma'ana sekolah² di-satengah² tempat terpaksa di-tutup dan murid²-nya di-pindahkan ka-sekolah² yang lain. Kalau-lah di-tetapkan mithal-nya 300 orang murid sa-bagai size yang paling kechil bagi sa-sabuah sekolah, maka ini berma'ana bahawa 1,500 buah Sekolah² Kebangsaan akan terlibat dan ibu bapa murid² sekolah mesti-lah bersedia untuk mengurbankan sedikit kesenangan mereka demi untuk mendapat pelajaran yang lebih bermutu bagi kanak² mereka itu.

Dalam masa yang lampau usaha² Kerajaan hendak menchantomkan sekolah² kechil telah mendapat tekanan dan tentangan dari golongan masyarakat menganggap kesenangan mereka terjejas akibat daripada tindakan Kerajaan ini. Dalam menghadapi masalah ini penduduk² luar bandar mesti-lah faham bahawa ada-lah mustahil bagi Kerajaan mendirikan sa-buah sekolah pada satu tempat untuk memenohi kesenangan tiap² sa-orang. Ibu² bapa mesti-lah insaf bahawa pelajaran bermutu memerlukan sedikit sa-banyak pengurbanan dan ada-lah mustahil untuk mengadakan pelajaran bermutu kalau mereka mengharapkan supaya di-adakan sekolah di-dalam tiap² buah kampung.

Masalah mengenai sekolah² kechil di-luar bandar ada-lah satu perkara yang mendesak di-pandang dari sudut Kerajaan hendak memajukan taraf pelajaran masyarakat kita.

Saya suka menjelaskan di-sini tentang konsep sekolah² pusat. Ia-nya bermaksud memusatkan pentadbiran sekolah² kecil yang berhampiran menjadi satu sekolah yang lebih besar untuk memberi kesenangan dan kemudahan yang lebih baik dari sudut kewangan, guru dan lain²-nya bagi membolehkan sekolah² ini menjadi sekolah² yang lengkap untuk menjamin kemajuan dan mutu pelajaran di-sekolah² tersebut. Dengan demikian, konsep sekolah pusat ini tidak-lah bererti bahawa sekolah² kecil yang banyak terdapat akan di-tutup dan sekolah² yang baharu akan di-bena. Akan tetapi saya suka menegaskan lagi bahawa sekolah² kecil yang letak-nya berjauhan antara satu sama lain, atau yang letak-nya terpencil dipendalaman akan tetap berjalan seperti biasa berasaskan keperluan pelajaran bagi kanak² di-pendalaman.

Mengenai perkara hot meal atau makanan bagi kanak² sekolah sa-bagaimana yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, dan kalau tidak salah saya, Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan tadi, saya suka menyatakan di-sini bahawa di-bawah rancangan ini, Kementerian Pelajaran bersama² dengan Catholic Welfare Services dan Central Welfare Council, Malaysia, sedang membekalkan hot lunch atau makanan panas kepada 110,000 murid² sekolah di-dalam 515 buah sekolah² di-Malaysia Barat sekarang ini. Kementerian Pelajaran sedang mengkaji supaya projek ini dapat di-kembangkan lagi supaya dapat menampung lebih ramai lagi kanak² sekolah dan lebih banyak lagi sekolah² di-seluruh Malaysia Barat.

Mengenai perkara guru² konrek daripada Indonesia yang mengajar sains sa-bagaimana yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut, sama ada guru² ini apabila konrek mereka itu telah habis dengan Kerajaan, apa-kah dapat di-sambong semula, perkara ini sedang di-dalam kajian Kementerian Pelajaran.

Saya tertarik hati juga mengenai masalah turun-nya mutu pelajaran yang banyak di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi dan apa yang mendukachitakan saya bahawa walau pun pihak Kerajaan daripada masa yang lalu dan sekarang ini juga sedang berusaha untuk memperbaiki mutu pelajaran

di-sekolah² kita ini, nampak-nya kebanyakan daripada Ahli² Yang Berhormat hanya mengemukakan perkara² yang burok sahaja dan perkara² yang baik yang telah di-laksanakan oleh Kementerian ini, nampak-nya telah sengaja tidak di-ambil perhatian oleh mereka. Akan tetapi saya suka menyebutkan di-sini mengenai perkara turun-nya mutu pelajaran sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan tadi bahawa Kementerian Pelajaran memang sedar akan perkara ini dan telah pun mengambil berbagai tindakan untuk mengatasinya. Kita percaya bahawa jika sa-kira-nya anak² kita hendak maju dalam pelajaran mereka di-peringkat tinggi, maka asas mereka itu ia-itu sa-waktu mereka itu berada di-sekolah² rendah, hendak-lah kita perbaiki dan kita perkuatkan. Maka dengan sebab itulah semenjak beberapa tahun ini kita telah mengadakan chara² pengajaran yang baharu terutama sa-kali dari segi pelajaran hisab, pelajaran sains dan pelajaran bahasa Inggeris. Dan guru² telah pun di-beri kursus dalam perkhidmatan untuk melaksanakan chara² pelajaran baharu ini dan kita harapkan apabila rancangan mengajar chara baharu bagi mata² pelajaran ini telah pun berjalan dengan sa-penoh-nya, maka mutu pelajaran di-sekolah² rendah kita akan meningkat daripada sa-tahun ka-satahun dan apabila mutu ini telah pun dapat kita perbaiki, maka apabila kanak² kita itu sampai ka-sekolah² menengah dan sa-terusnya, maka hasil peperiksaan yang mereka chapai akan juga meningkat dengan sendirinya.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka juga menyebut mengenai drop out. Saya tidak akan menyentuh mengenai perkara ini kerana telah pun di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri beberapa hari yang lalu.

Dan mengenai masalah menubuhkan atau mengadakan satu Surohanjaya di-Raja untuk mengkaji kemundoran pelajaran, saya suka menyatakan di-sini bahawa Surohanjaya seperti ini ada-lah tidak perlu kerana soal ini sentiasa menjadi perhatian Kementerian dan sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi kita pada sa-tiap masa mengambil langkah² yang perlu bagi mengatasi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan telah menyentuh perkara regrouping of schools. Saya sukachita kerana beliau menyokong tindakan ini kerana ini-lah perkara yang sedang di-jalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi kelemahan sekolah² kita. Dan mengenai integration of schools atau pun perchantuman sekolah², perkara ini memang ada kita jalankan daripada samasa ka-samasa.

Mengenai perkara penulisan nama di-kertas² pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Seberang Laut yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok, saya suka menyebutkan di-sini bahawa bagi pepereksaan S.R.P. memang kita minta chalun² menulis nombor index-nya sahaja kerana pepereksaan ini ada-lah pepereksaan yang kita jalankan sendiri. Dalam pepereksaan M.C.E. atau S.P.M., sa-lain daripada index numbers atau nombor² index, chalun² juga di-minta meletakkan nama² mereka sendiri. Ini ada-lah perkara yang tidak dapat kita elakkan walau pun kita telah berunding dengan pihak Lembaga Pepereksaan Cambridge dan syarat ini di-kenakan oleh sebab² yang tertentu. Sebab-nya boleh jadi ada chalun² yang tersilap membuboh nombor index-nya, boleh jadi dia terpakai nombor chalun yang lain dan jika perkara ini terjadi, sudah tentu ini akan melibatkan kesilapan² di-dalam memberi markah², atau akan menyebabkan chalun² yang mendapat hasil pepereksaan yang baik, tetapi markah-nya pergi kepada orang yang lain. Jadi, jikalau ada nama² chalun² itu sendiri, maka kesilapan ini akan dapat kita periksa dengan mudah-nya, jika kita lihat dari senarai chalun² berbanding dengan index yang telah pun di-beri kepada mereka masing².

Dan mengenai perkara mengambil alih urusan pepereksaan ini memang perkara ini ada di-dalam kajian Kementerian dan untuk sementara waktu ini kita terpaksa mengambil tindakan yang berperingkat, disebabkan beberapa masaalah² yang sedang kita hadapi sendiri.

Dan mengenai kertas soalan bagi Sijil Tinggi Pelajaran, yang mana di-sebutkan ada kesalahan dari segi Sukatan Pelajaran yang telah di-tentukan, saya suka menyatakan di-sini bahawa Kementerian Pelajaran tidak terlibat di-dalam menyediakan Kertas²

Pepereksaan H.S.C. atau Sijil Tinggi Pelajaran ini. Perkara ini ada-lah di-uruskan terus oleh Universiti Malaya dengan pihak Cambridge di-London.

Mengenai perkara Pentadbiran Kementerian Pelajaran, yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi, saya suka menyebutkan bahawa perkara ini telah di-kaji oleh Surohanjaya Di-Raja Aziz dan shor² berkaitan dengan perkara ini sedang di-semak sa-mula oleh pihak Kerajaan. Dan tadi beliau ada menyebutkan bahawa penempatan guru² yang berijazah tidak di-laksanakan oleh pegawai² yang professional di-Kementerian Pelajaran. Ini adalah satu pendapat yang salah. Yang sa-benar-nya penempatan guru² yang berijazah ini memang di-laksanakan oleh sa-orang pegawai professional di-Kementerian Pelajaran. Mengenai Guru² Besar di-beri peluang untuk kursus pentadbiran, saya fikir perkara ini boleh kita timbangkan.

Perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit mengenai sa-orang manusia yang telah di-halangi daripada mengambil Pepereksaan Sijil Tinggi Pelajaran, dan saya chukup ma'alom di-atas perkara ini, kerana perkara ini telah pun di-bawa kepada saya oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri beberapa ketika yang lalu. Saya suka menyebutkan di-sini bahawa pepereksaan yang di-ambil oleh manusia ini ada-lah pepereksaan yang di-uruskan oleh pihak MARA dengan maktab yang berada di-London. Jadi, ini ada-lah urusan MARA dengan maktab tersebut dan sa-benar-nya tindakan yang di-ambil oleh pihak Pengetua Instituti Teknologi MARA mengenai perkara ini ada perhubungan-nya dengan perkara² yang lain, yang mana tidak dapat saya sebutkan di-sini. Saya rasa Yang Berhormat sendiri ma'alom mengenai perkara ini.

Sa-lain daripada itu, mengenai perkara² yang di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat dari Sarawak, perkara ini sudah beberapa kali di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri dan kita ma'alom dan tindakan sa-terus-nya akan di-ambil.

Mengenai perkara yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman supaya satu rombongan untuk mengkaji sekolah² dan perguruan tinggi ugama Islam di-Indonesia dan juga perkara mengambil alih

Sekolah² Ugama untuk memperkuat kedudukan Fakulti Islam dan mengenai Sekolah Menengah Sains di-kawasan beliau, kita mengambil perhatian mengenai perkara² ini dan tindakan yang sesuai akan kita buat.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja perkara² yang hendak saya sebutkan di-sini dan mengenai perkara² yang lain yang telah di-bangkitkan, saya mengambil perhatian dan tindakan sa-terus-nya akan kita ambil.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$545,460,431 untuk Kepala B. 18 dan \$61,047,650 untuk Kepala B. 19 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 15, B. 16, B. 36, B. 37 dan B. 38

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Dato' Pengerusi, dengan izin, boleh-kah saya membawa bersama² Kepala B. 15, B. 16, B. 36, B. 37 dan B. 38.

Tuan Pengerusi: B. 15, B. 16, B. 36, B. 37 dan B. 38, silakan.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Pengerusi, saya mengeshorkan supaya peruntokan² sa-banyak \$7,463,000 di-bawah Kepala Bekalan 15—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan; wang sa-banyak \$670,000 di-bawah Kepala Bekalan 16; wang sa-banyak \$2,326,710 di-bawah Kepala Bekalan 36; wang sa-banyak \$1,053,590 di-bawah Kepala Bekalan 37 dan wang sa-banyak \$553,800 di-bawah Kepala Bekalan 38 di-luluskan menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kalau di-bandingkan dengan angka² pada tahun lepas, angka perbelanjaan pada tahun ini, yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan telah menunjukkan tambahan yang agak chukop banyak. Ini di-sebabkan kerana Kementerian ini sedang menjalani penyusunan sa-mula yang akan melibatkan tambahan² pegawai dan kaki-tangan di-peringkat negeri dan daerah. Apabila proses menyusun sa-mula ini selesai di-laksanakan dengan sa-penoh-nya nanti, maka perbelanjaan Kementerian ini di-jangka akan meningkat lebih naik lagi, bukan sahaja daripada segi gaji, tetapi juga daripada perbelanjaan² lain.

Dato' Pengerusi, izinkan saya memberi penjelasan sa-rengkas²-nya, penerangan berkenaan dengan penyusunan sa-mula di-bawah tiga tajok, ia-itu di-bawah tajok Kebudayaan, Belia dan Sokan. Satu daripada segi kebudayaan, Bahagian Kebudayaan Kementerian sedang mengkaji sa-mula rumusan² yang telah di-chapai di-dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang lalu dan satu Jawatan-kuasa Penasihat Perlaksanaan Rumusan² Kongres itu telah di-bentok dengan tujuan supaya pehak Kerajaan dapat mengambil tindakan² bagi mengujudkan bentok pimpinan untuk mengembangkan satu Kebudayaan Nasional.

Pembinaan Panggong Negara sedang di-ranchangkan dan reka bentok-nya sedang di-sediakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Satu kumpulan penari² tetap akan di-tubuhkan buat sementara ini. Latehan² tarian dan lain² sedang di-jalankan di-bawah Kementerian yang lama di-Jalan Ampang. Ranchangan pertukaran kumpulan² kesenian di-antara Negeri² sedang di-ator. Bahagian ini juga akan memberi sumbangan² berhubung dengan ranchangan kebudayaan di-radio dan talivishen.

Dorongan dan naongan kapada badan² penulis di-tanah ayer kita akan di-beri oleh Kementerian dalam usaha menggalakkan kegiatan mereka di-lapangan kesusasteraan.

Balai Seni Lukis Negara akan di-letakkan di-bawah Kementerian ini dan sa-orang Pengarah/Setiausaha Balai tersebut akan di-lantek. Penyelidekan² mengenai kebudayaan tradisional akan di-jalankan dengan lebih luas lagi. Kementerian juga berchadang untuk menghantar pegawai² dari bahagian kebudayaan ini ka-luar negeri untuk mendapat latehan² dan kursus² lanjutan.

Kedua, Bahagian Belia di-dalam tahun 1972 ini akan di-antara lain mengkaji semula latehan kemahiran di-Pusat Latehan Belia di-Dusun Tua dan Latehan Pimpinan di-Pertak. Kursus² perdagangan dan perniagaan kechil, pertanian di-samping latehan teknikal dan vokeshenal akan di-perkemaskan. Dasar baharu bahagian ini bukan sahaja hendak memperlengkapkan belia² supaya mereka dapat menchari kerja, tetapi juga untuk memperlengkapkan mereka supaya mereka dapat mendirikan perniagaan sendiri.

Satu badan yang terdiri daripada agensi² Kerajaan seperti PERNAS, MARA, Bank Bumiputra dan lain² untuk membantu pelatoh² di-Dusun Tua dalam perniagaan akan di-tubuhkan.

Di-lapangan penggalakkan kegiatan belia, Kementerian ini akan menganjorkan penubuhan Majlis Perundingan Belia di-Peringkat Negeri dan di-peringkat Daerah supaya perantau atau pun dailog di-antara golongan belia dengan Kerajaan² Negeri dapat di-ujudkan.

Ranchangan² pertukaran Lawatan Sambil Belajar atau untuk mendekatkan belia² dengan usaha² pembangunan akan di-lancarkan. Penyelidikan mengenai masalah racial polarisation dan masalah penganggorean di-kalangan belia akan juga di-jalankan.

Satu Biro Bimbingan yang bertujuan memberi penerangan dan nasehat kepada belia² mengenai peluang² pekerjaan dan latihan akan di-tubuhkan.

Ketiga, Bahagian Sokan Kementerian ini, telah di-susun sa-mula dengan ada-nya sa-orang Pengarah dan beberapa orang pegawai² yang baharu sahaja di-lantek.

Majlis Sokan Negara yang baharu² sahaja di-tubuhkan akan mengadakan meshuarat pertama kali-nya dalam bulan Februari tahun ini. Hubungan yang rapat di-antara Kementerian dengan badan² sokan di-seluruh negara ini akan di-wujudkan dengan ada-nya satu seminar yang akan di-anjorkan tidak lama lagi.

Sa-ramai 16 orang jurulateh sokan akan di-ambil dalam tahun ini. Jurulateh² dari luar negeri juga akan terus di-undang untuk melatoh ahli² sokan tempatan. Lebih banyak lagi kemudahan² sokan dan peluang² latihan di-luar negeri di-jangka akan di-terima menerusi Kedutaan² asing di-negeri ini.

Satu kompleks Instituit Sokan Negara sedang di-ranchangkan. Persediaan untuk menghadapi Sokan Olimpik di-Munich sedang giat di-ator dan Unit Perubatan Sokan Kementerian ini akan memberi perkhidmatan-nya kepada ahli² sokan kita dengan lebih luas lagi.

Pakar² dari UNESCO dalam bidang perubatan sokan akan di-undang untuk memperbaiki perkhidmatan unit tersebut.

Penerangan sa-lanjut-nya berkenaan dengan Kepala B. 15 dan B. 16 dan juga penerangan mengenai B. 36, B. 37 dan B. 38 telah pun terkandung di-dalam Kertas Perintah 48/1972 dan tidak-lah payah saya ulangkan penjelasan itu di-sini.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan.

Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara):
Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh Kepala B. 15, Pechahan-kepala 4100 Aktiviti 2—berhubungan dengan kebudayaan. Saya tertarik hati kepada apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang telah menyebut dua kali huruf "Penyelidikan" di-dalam Kementerian ini. Tetapi, saya berasa dukachita sedikit oleh sebab dalam pengetahuan saya pada masa ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan hanya ada sa-orang sahaja pegawai yang maseh junior untuk menjaga soal² penyelidikan dan perancangan berhubung dengan ketiga² Seksi Kebudayaan, Belia dan Sokan. Saya berpendapat bahawa di-dalam masa pembangunan negara kita pada masa ini saya suka menekankan peri mustahak-nya soal² berkaitan dengan perpaduan dan pembentukan satu bangsa yang betul² berchorak Malaysia. Harus-lah Kerajaan mengambil langkah² yang positif dan tegas menyelidik, mengkaji serta menyebarkan pengetahuan sabagai membantu melaksanakan dasar² yang akan dapat memimpin ra'ayat menuju kaarah tujuan dasar² pembangunan kita.

Bahagian Kebudayaan dalam Kementerian ini harus-lah ada Seksi Penyelidikan bersendirian-nya. Seksi Penyelidikan ini harus-lah di-anggap sa-bagai tenaga pemikiran atau pun "brain" kepada seluroh tenaga Kerajaan yang ada kaitan dengan soal² pembangunan. Di-atas usaha hanya-lah akan tergantung dasar² dan chara² pelaksanaan dasar² Kerajaan, sunggoh pun tugas-nya hendak-lah sa-mata² sa-bagai penasihat, atau pun "advisory" sahaja.

Tuan Pengerusi, kebudayaan ada-lah kepunyaan masyarakat. Kerana itu ia-nya harus di-terima dan di-praktikkan oleh masyarakat itu sendiri. Pemaksaan penerimaan sa-suatu unsur kebudayaan tidak mungkin mendatangkan hasil yang di-kehendaki. Strategi segala langkah ada-lah sa-chara memperkenalkan kepada umum dan menyebarkan pengetahuan dengan harapan ia-nya dapat mempengaruhi dan

menyerap jiwa sa-hingga masharakat kita tertarik kapada-nya dan mensifatkan-nya sa-bagai kepunyaan mereka sendiri dan bukan kepunyaan sa-suatu kaum sahaja. Ini tentu-lah akan mengambil masa yang begitu lama berasaskan kapada penyebaran pengetahuan. Seringkali berlaku bahawa perkara² yang di-ketengahkan tidak dapat di-terima oleh sa-kalangan masharakat. Yang lain-nya pula mungkin akan di-terima sa-kejap masa sahaja dan kemudian tertinggal dan hilang. Hal saperti ini akan berlaku sa-tiap masa, kerana pada pendapat saya, kebudayaan yang hidup dinamis sentiasa mengalami perubahan. Sa-chara keseluruhan negara kita maseh belum ada kebudayaan nasional yang betul² di-terima keseluruhan-nya sa-bagai chorak nasional. Kita sedang berusaha mengubal identity kebangsaan. Yang di-ketahui sekarang hanya-lah satu dasar bahawa identity kebangsaan itu hendak-lah berteraskan kebudayaan Melayu. Tetapi pengetahuan dalam kebudayaan Melayu sa-chara mendalam, sa-chara sistematik maseh belum ada lagi. Maseh banyak bahan² budaya Melayu waktu ini maseh terpendam dan di-ketahui hanya oleh kumpulan² kecil dan tempat² yang terpenchil, atau oleh orang tua yang tidak mahu, atau pun tahu menchatitkan-nya. Apa yang berlaku sekarang ia-lah bahawa finding² baharu di-jalankan oleh orang² persaorangan sa-chara *ad hoc* atau dengan chara terjumpa, atau pun accident sahaja.

Tuan Pengerusi, tugas bahagian penyelidikan yang saya shorkan termasuk-lah juga penyelidikan, atau pun perkara² yang berhubung dengan nilai atau value yang positive di-kalangan tiap² kaum yang perlu di-spotlightkan bagi perpaduan negara dan bagi mensesuaikan masharakat sains dan teknologi.

Saya suka menarek perhatian Kerajaan kapada satu buku yang terkenal sekarang yang bernama "Revolusi Mental" yang disediakan oleh sa-kumpulan intelek dalam negeri kita ini berasaskan kapada kajian mereka di-dalam segala aspek mentality ra'ayat dan chara² kita dapat menggembeleng tenaga ra'ayat ka-arrah mentality pembangunan. Usaha pengeluaran buku ini adalah satu usaha yang sangat² besar ma'ana-nya, terutama sa-kali di-kalangan masharakat Melayu. Saya suka merekomenkan kapada sahabat² kita daripada gulongan bukan Melayu terutama sa-kali, supaya membacha

dan meneliti isi kandungan-nya sa-bagai asas fahaman kapada chara pemikiran orang² Melayu.

Tuan Pengerusi, dalam kontek negara kita Malaysia, kebudayaan harus-lah di-tinjau dari segi peranan-nya sa-bagai teras perpaduan negara. Ra'ayat yang berbilang keturunan dan kebudayaan perlu mempunyai chiri sama atau persefahaman tentang konsep dan pegangan hidup di-atas perkara² penting. Kesetabilan masharakat tidak akan terchapai jika suasana itu tidak wujud walau pun sa-chara keseluruhan-nya negara kita mewah dengan kedudukan ekonomi-nya maju. Perinsip² saperti Rukunegara umpama-nya ia-lah satu usaha mengwujudkan satu pegangan hidup yang di-perchayai oleh semua tidak kira bangsa dan agama. Lanjutan² dari itu kebudayaan Malaysia harus mencherminkan identity negara. Identity negara tidak akan munchul sa-lagi ra'ayat di-kenal atau di-identifikan berasas kapada ras atau pun perkauman dan bukan kapada unsor² budaya yang kokoh yang menyelurohi semua warganegara. Saya mengaku bahawa perbezaan ras atau pun perkauman tidak dapat di-hilangkan sama sa-kali, tetapi chiri² kebudayaan yang pokok dan menyelurohi atas mana ra'ayat Malaysia dapat di-kenal hendak-lah di-pupok.

Kedua, ia-lah peranan kebudayaan dalam usaha memesatkan kemajuan ekonomi. Nilai² keperchayaan, sifat² serta perangai lemah tidak sa-chuchok dengan kehendak pembangunan ekonomi. Dari itu, aktiviti² kebudayaan hendak-lah di-susun bagi menyemaikan sistem nilai atau pun "value system" yang dinamis, positif dan membina. Dasar Kerajaan hendak menyusun kembali masharakat juga mempunyai implikasi yang besar dalam penyemaian sistem nilai yang sesuai. Mobility ra'ayat di-kalangan susunan masharakat dalam kedudukan geography dan dalam pekerjaan mithal-nya dengan sendirinya akan memechah²kan sistem nilai lama. Tetapi, yang sangat penting pada pendapat saya ia-lah penyelidikan atas akibat² ranchangan² pembinaan kita ini, sama ada cultural impact-nya betul² membina dan menjamin toleransi dan kesetabilan negara kita dengan berkekalan. Bahaya intoleransi, pada pendapat saya, sangat-lah besar akibat-nya kapada pembangunan negara. Intoleransi dan kurang faham akan memechah-belahkan masharakat kita. Dan, tidak-lah berma'ana

langsung usaha² kita sekarang yang ditumpukan ka-arrah pembinaan dan pembangunan negara sa-kira-nya kita tidak mengatasi soal ini daripada sekarang juga. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan Anggaran Perbekalan yang di-kemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya mohon izin untuk berchakap dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh sedikit sa-banyak, yang pertama, tentang sokan. Pada pendapat saya, sokan di-negara kita ada-lah maju, tetapi walau pun kita telah maju di-beberapa segi dalam sokan, malang-nya pada pendapat saya, kemajuan itu tidak begitu besar atau baik. Kekurangan kemajuan ini barangkali oleh sebab Kementerian ini tidak chukup wang atau tidak chukup pegawai².

Saya hendak memberi satu chontoh. Pada pendapat saya, jika kita hendak maju di-dalam kalangan sokan, kami terpaksa mengadakan padang permainan di-tiap² kampung, tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, di-dalam kawasan saya ada sa-buah tempat baharu yang bernama Selayang Baharu yang mana sekarang ini ada barangkali antara 5,000-6,000 penduduk² di-sana dan malang-nya walau pun sana ada dua buah padang permainan itu ia-lah untuk kedua² sekolah di-sana dan di-tempatan baharu itu malang-nya langsung tidak ada sa-buah padang permainan untuk orang ramai di-sana. Apabila saya membentangkan atau menimbulkan perkara ini di-dalam Dewan Negeri, Kerajaan Negeri menyatakan, "Oh! kami akan siasat perkara ini". Tetapi, saya berharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan janganlah siasat sahaja, tetapi mengambil tindakan supaya belia² di-sana dapat tempat yang mereka boleh bermain. Mereka memberi tahu kapada saya, "Doktor, kami hendak main badminton, tetapi mana, Doktor, tengok, mana ada tempat. Di-sana ada tempat kosong, itu tapak tanah untuk pembenaan rumah dan kami, oleh sebab tempat itu kosong kami sewa tapak tanah itu".

Tuan Pengerusi, jikalau Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ada mempunyai wang, ada menchukopi pegawai maka Kementerian ini boleh sedar di-mana² kurang tempat atau padang permainan ada supaya Kementerian tersebut boleh mengambil tindakan untuk mengadakan bukan

sahaja padang permainan untuk orang ramai, tetapi tapak tanah untuk permainan volley ball, sepak takraw, badminton dan sa-bagai-nya. Belia dan beratus² atau beribu² kampung dan kampung baharu di-tanah ayer kita hendak mendapat tempat yang mereka boleh bermain apabila mereka ada masa lapang, tetapi malang-nya di-beberapa tempat mereka tidak ada kemudahan² yang sesuai. Saya berharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan boleh menyiasat perkara ini, bukan menyiasat di-atas kekurangan padang permainan di-Selayang Baharu sahaja tetapi kekurangan padang permainan yang di-seluruh Malaysia supaya sokan boleh maju di-tanah ayer kita.

Tuan Pengerusi, ada tempat yang ada padang permainan, tetapi malang-nya padang permainan itu, oleh sebab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan tidak peduli padang permainan itu telah menjadi hutan. Saya berharap pada Kementerian tersebut boleh menyiasat perkara ini dan oleh sebab barangkali penduduk² di-tempat yang ada padang permainan, tetapi tidak ada wang untuk memotong rumput dan sa-bagai-nya, Kementerian ini boleh memberi bantuan supaya penduduk² di-sana boleh menggunakan padang permainan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sedikit sa-banyak tentang latehan dan kegiatan belia². Pada pendapat saya, apa yang di-buat oleh Kementerian ini di-Batu 16 Ulu Langat sana memang baik tetapi tidak menchukopi. Beribu² belia keluar daripada sekolah masing² tiap² hujung tahun yang lalu dan mereka tidak ada pekerjaan. Mereka chari sana, chari sini, melompat ka-sana, melompat ka-sini, tetapi malang-nya tidak mendapat pekerjaan. Jika Kementerian ini boleh meluaskan latehan di-Dusun Tua ini, maka belia boleh mendapat latehan yang sesuai supaya mereka sa-lepas latehan itu boleh di-beri kerja atau jikalau mereka tidak dapat kerja, mereka boleh dapat sedikit disiplin. Saya berharap juga Kementerian ini mengadakan latehan di-Dusun Tua janganlah menggalakkan satu kaum sahaja pergi ka-sana tetapi menggalakkan semua kaum pergi berlateh di-Dusun Tua.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, I wish now to touch a little on culture and here I wish to say that I entirely agree with the Member for Segamat Utara. Seldom in this House have I heard a speech which is so moderate, which

is so practical and which is so tolerant. I wish to say that I entirely agree with the Government in its search for a national identity, a national culture. But, Mr Chairman, Sir, culture and a national identity does not come overnight. The culture that we derive from comes not in terms of decades, not in terms of centuries, but in terms of thousands of years. It is true that in this jet age and space age, we cannot wait that long, but, on the other hand, we cannot try and telescope centuries and thousands of years into one or two years and try and force on the people of this country a culture that perhaps some people may think is suitable. But as the Member for Segamat Utara himself has said, there has been no great deal of research on culture. Now Sir, we definitely cannot impose culture by decree on the people, and again, as the Member for Segamat Utara has stated, culture must find acceptance, it cannot be forced down because if it is forced down on people, people do not just accept it. They say, "All right, if you want to wear a songkok, you can wear a songkok. I do not want to wear a songkok. So what?" Then you have this great controversy about a songkok that has arisen.

I say, Mr Chairman, Sir, that our Malaysian culture must be the distillation of all the best that is available of the cultural streams that we are fortunate in this country to have with us. If given tolerance, if given time, then we can mould all these various cultural streams into a truly Malaysian culture that will be acceptable to the people in this country. But if it is done by decree, if it is done by a great deal of noise and with a great deal of warning to say, "You accept this, or you are anti-national", then I am afraid that it will not find acceptance amongst the people of this country and our search for a national identity, our search for a national culture will take a backward step rather than a forward step. Thank you.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): Saya hendak mengambil bahagian dalam perbahathan berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

(*Dengan izin*) Sir, the question of developing a national culture and identity must be approached with care and due consideration for the feelings, sensitivities and pride that all sections of our multi-racial people have in the individual beauty of their own

culture. If this is not done, then a great deal of unhappiness will be generated, a national identity will not emerge, and worst of all, there will be an even greater sense of deprivation, cultural discrimination leading to not more, but less national unity. I therefore urge caution, an open mind, a multi-racial Malaysian outlook rather than a purely Malay, a purely Chinese or Indian outlook, in keeping with what the Constitution and even Rukunegara have so closely stated that this is a multi-racial, multi-cultural society.

The key word here, Sir, is "multi" not "mono" or "one" and the emphasis is on variety, diversity. This is absolutely crucial and I submit very humbly that the larger question of National Unity could only be achieved if diversity rather than conformity be made the philosophic base for our national culture and national identity. Indeed, it could not be otherwise, for in such matters no amount of legislation could achieve what the human mind and spirit will not willingly, happily adopt.

I say that we have got a rich variety of cultures in our land and these should serve as the base upon which we must patiently seek, try and experiment with new admixtures and combinations until in time to come, we evolve with the consent of the people and arising out of their reaction, interaction and participation, a new Malaysian culture. This may take 100 years but it is the only way, by evolution and not by compulsion. That being the case, Sir, it is sad to see that the so-called National Cultural Congress attended by a hand-picked, poor cross-section of cultural experts should come up with the narrow-minded resolution, which the Government has accepted, that Malaysia's National Culture should be based on one culture, and not, as it should be, on all the cultures. "All the cultures," I emphasise, will be closer to the spirit and letter of the Constitution and the Rukunegara.

It is useless, for instance, for T.V. Malaysia to talk about the Rukunegara every night; no use to establish a new Ministry of National Unity, when coming down to brass tacks, the deeds run contrary to the words. A great number of people really find it difficult to understand why Government should embark upon such a narrow-minded course, when the statesmanlike thing to do, the right thing to do, the winning formula to create a united

Malaysian nation, is to do precisely opposite, that is a liberal cultural policy, based on all cultures, recognising the full contribution that each community in Malaysia can contribute.

Here let me quote briefly what a famous American anthropologist had to say when he visited Kuala Lumpur a month ago. Professor Wilton Dillon said that "Cultural Diversity strengthens a Nation". He said—

"It gives the nation more scope for creativity and innovation, rather than imitation. There is a lot of thinking in the United States today about the theory of the melting pot. Attempts, he said, to make everyone conform to one cultural pattern did not work. The trend now is to look for Unity in Diversity".

Similarly, not too ago, when the Swiss Ambassador presented his credentials to the Malaysian Government, he was told that Malaysia admired the success of Switzerland to which the Swiss Ambassador quickly replied that the secret was to be found in the philosophy of the Swiss State, which is that a liberal policy is followed in all matters relating to the cultures of the many races that make up Switzerland. As a result of this policy, he said, no group feels deprived, national unity is achieved and through the interplay of different cultures over the years, a national culture evolved and the nation finds its strength. Malay culture, Sir, Malay literature, architecture and music are rich and beautiful. Chinese, Indian and Western cultures, literatures, architecture and music similarly are also rich and beautiful. Basing our national culture on the best of what each can contribute need not pose a threat to the growth and the further development of one particular culture.

I therefore urge the Government to re-examine its cultural philosophy, get a more representative cross-section of opinion, more rational discussions so that we can create in time something strong and beautiful that can truly be called our own in time to come.

Sir, if we take a quick look at countries which have established a strong national identity we can learn quite a few lessons, and without exception these successful countries have succeeded because they have managed to fuse together, to integrate together, the best features of all the cultural influences which have impinged upon them. For a first example we can take Japan. There you have

a country which possesses one of the most clearly defined, beautifully virile cultures in the world. There are three basic cultural strands that go into the making of Japanese culture. Initially Chinese and Polynesian, and for the last 100 years Western influence had been noticeable. If Japan had adopted a narrow approach initially determined to base its national culture on Chinese culture, it is possible that today Japanese culture would have been predominantly Chinese in character and both Japan and the world would be the poorer for it, but that was not the case, Sir. There was in fact a happy fusion of both Chinese and Polynesian influences with western influence coming very strongly recently and so today Japan represents the best example of how a country can establish a national culture and retain at the same time the best of its tradition and yet be completely modern in all the arts that make up her civilisation.

For a second and third example, we can look at Borobudur and Bali in Indonesia and Angkor Wat in Cambodia. These are great landmarks in human civilisation. Borobudur and Bali represent a happy fusion of Hindu and Malay influences so complete and successful they are no longer Hindu or Malay but distinctively Indonesian. No other country in the world can emulate or imitate this achievement. If the early Malays of Indonesia had decided upon Malay as the basis of their culture, there would not be a Borobudur or a Bali today. The same could be said of Cambodia and the Khmer civilisation. Angkor Wat is a monument to the total successful infusion of Hindu and Khmer cultural features, each contributing an equal share to the final product. This is the way that we too can build a great culture and a distinctive civilisation. From the best that traditional Malay culture, Chinese culture, Indian culture plus Western culture can offer, we can, if we plan wisely, and with a great deal of forbearance, succeed and, in succeeding, strengthen the ties which must unite our various races. Malay culture can learn from non-Malay cultures, and *vice versa*.

In the field of architecture, for instance, which has been described as the "mother of the arts", there is a wealth of local Malay, Chinese and Indian examples, from a study of which a new Malaysian architecture, as distinctive as today's Japanese architecture,

could emerge in the hands of an imaginative architect. Now, such a distinctive Malaysian style of architecture could not emerge if architects are told that the basis of their creations must be either Chinese architecture or Indian architecture or Malay architecture. Today international influences are very strong with the rapidity of modern media of communication. Our cultures would be influenced, for better or for worse, by the cultural philosophies and experiments of America, Europe, Japan and no doubt, in time to come, from China as well. Modern architecture in Malaysia, like this building—Parliament House, Bank Negara, Federal Hotel, Merlin Hotel, the National Mosque and the Museum Negara is basically imitative and in that sense is not wholly successful or distinctive. They are all either too imitative of the international Western style or, in the case of Museum Negara, too imitative of traditional Malay architecture without the grace, the charm or the beauty of the true Malay house design.

In the field of drama, literature, music, dancing, fashions, paintings and sculpture, as in the field of architecture, I would recommend continuous experiments in different permutations and combinations from all the cultural strands that we are so richly endowed with. We should take note of what that great Indian and world statesman, Mahatma Gandhi, said about culture when he said: "I open all my windows so that the fresh breezes from the whole world can blow through my house". That, I think, Sir, is very good advice.

Finally, on this question of trying to create a national culture, may I suggest that the Minister of Culture consider building very quickly a National Theatre to incorporate at least four auditoriums, one to cater to Malay drama, music and dances, one to Chinese drama, music and dances, one to Indian music and dances and one to what the West can contribute, and I believe that if we should build such a building where all the different dramas and dances are allowed to co-exist side by side, inter-react with each other, learn from each other, in time to come, happily, without coercion, without compulsion, a new distinctively Malaysian art form will emerge and I think that is the surest way to build a truly Malaysian cultural system.

I now come, Sir, finally to the question of youths. Sir, it has been said that more than 70 per cent of the population of this country

are youths. It has also been said that they represent the hopes of the country. It has also been said that the students in our schools and the universities represent also the future leaders of this country and yet if we measure all these hopes and expressions of expectations which we expect from our youth, measure these against the care and the concern the Government has shown for this 70 per cent of the population in this country, we find that the Government's efforts are lacking.

Where the students are concerned, the students' activities are restricted in the universities; only in areas which concern their spiritual needs, their recreational needs, do they have a free hand. But where it concerns their desire to search for the truth, for their intellectual pursuits to organise activities, which in time will build their character either at the universities or in the schools, prohibitions come in. They are told not to meddle in politics but to concentrate on their studies. I think here there is a dichotomy. On the one hand, you want them to become leaders of the country; on the other hand, you say—no, please do not experiment, do not develop your full potential, just be a bunch of goody—goodies and stick to your studies. Well, I say, that is a self-defeating exercise. If today they are easy products to manoeuvre as a result of Government's control, then tomorrow, Sir, they will grow up to become as easily malleable and as easily controlled by other people and other Governments should other Governments lay their hands on the machinery of the Government in this country. So, I say, Sir, that the youths of this country must be given greater scope to search what they believe is the truth in our universities, in our colleges and in our schools, and secondly we must make a greater effort to find jobs for these youths when they come out from the schools and the universities, because, if we do not, then surely the increasing unemployment in this country will play into the hands of those who believe in violent revolution as a means to succour, as a means to build a new society, in which case, then all of us would have lost. So, Sir, with these few words, I say thank you very much.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap berkenaan dengan belia, oleh kerana belia ada-lah tiang negara. Belia pada masa dahulu di-waktu kita di-jajah oleh penjajah,

ada pasokan² belia, ada kumpulan² belia, tetapi kumpulan² belia ini ada-lah di-bawah chara² pemerintahan penjajah. Belia² di-ajar, di-latih supaya orang² kita berpechah-belah. Belia di-ajar untuk beronggeng, belia di-ajar supaya lupa, lupa segala²-nya supaya Inggeris atau penjajah boleh menjajah negeri ini. Tetapi sa-lepas kita men-chapai kemerdekaan ada badan² belia, badan² belia ini ada-lah mengikut chara penjajah juga, chara²-nya ada-lah menggalakkan bukan tidak baik mengadakan sendiwar², tetapi terlampau sendiwar², maka belia² sudah sukakan untuk bercham-por gaul di-antara laki² dan perempuan sahaja dan lupa-lah bagaimana tanggung-jawab-nya untuk negara.

Jadi, di-sini saya juga menegor ia-itu berkenaan dengan belia² sa-lepas merdeka ia-itu di-anjorkan oleh pemimpin² belia-nya di-mana sampai hari ini ada pusat² yang di-dirikan oleh belia² untuk melateh belia² seperti membaiki basikal terutama sa-kali pemuda² Melayu. Pemuda² Melayu sa-lepas merdeka 14 tahun membaiki basikal pun tidak tahu, menampal kasut pun tidak tahu, membaiki motorkar pun tidak tahu, oleh kerana kita ada-lah mengikut chara² penjajah mengajar kita dahulu bersendiwar² sa-lama 14 tahun. Chuba kita pergi ka-England yang saya perchaya ketua² belia telah pergi ka-England dan telah menengok ada sekolah lanjutan belia di-mana belia² bekerja di-factory, kemudian pada petang hari, atau malam hari, ada sekolah lanjutan untuk belia² ini di-mana belia² ini pada satu masa yang akan datang bukan menjadi buroh sa-mata² tetapi belia² ini akan menjadi engineer, akan menjadi manager, akan jadi doktor dan sa-bagai-nya. Bukan belia di-negeri kita ini yang mana belia-nya akan menerima, kalau dia buroh kasar akan menjadi buroh kasar sa-lama²-nya, oleh kerana tidak ada tempat hendak belajar. Jadi chara² belia, chara² pemimpin² belia menjalankan tugas²-nya baik pun Kementerian Belia untuk menjalankan tugas-nya mesti-lah di-tukar sa-chara zaman sekarang, bukan zaman penjajah untuk mengkaratkan semangat pemuda² ini supaya jangan mereka ini masuk champor dalam itu dan dalam ini supaya mereka diam² diri, supaya mereka ini jangan dapat meningkat ka-pengetahuan² yang lebeh tinggi lagi.

Di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengeshorkan tiap² pasokan belia baik MAYC-nya. 4B-nya bukan sahaja menu-bohkan chawangan² di-seluruh Malaysia ini, mengadakan chawangan²-nya supaya menggalakkan pemuda² masok belia, tetapi belia² tidak apa pun gantongan-nya chuma barang-kali membuka tanah 500 ekar di-sana, 500 ekar di-sini, tetapi belia² yang keluar daripada sekolah kita tiap² tahun bukan 10,000 bukan 30,000 beratus ribu boleh membuka hutan yang 5,000 ekar sahaja yang dapat kita masokkan belia², boleh-kah dengan training² sahaja di-Ulu Langat yang training-nya ini chuma 6 bulan, atau sa-tahun apabila belia² ini keluar maka menyangkol-lah di-tepi jalan. Ini-kah training yang di-beri kepada belia². Ini di-katakan dalam pepatah Melayu mengatakan: "Melepaskan batok di-tangga" sahaja. Jadi chara yang sa-macham ini melateh pemuda² Melayu ada-lah tidak betul. Jadi, saya harap jikalau sa-kira-nya betul² Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendak memajukan belia² Melayu terutama sa-kali tukar chorak mengajar, tukar chorak berfikir. Pada hari ini kita ada Kementerian Teknologi dan sa-bagai-nya, tetapi chara² pemikiran kita maseh lagi 20 tahun yang lalu.

Tengok belia² Jepun. Belia² Jepun beribu² keluar negeri, tiap² tahun, beribu² pergi ka-luar negeri. Mereka buroh biasa di-sana—di-Jepun, tetapi beribu², apa sebab-nya, menengok chara² tamaddun sa-bagai-nya di-negeri luar.

Jadi saya harap pehak yang bertanggung-jawab baik pun Kementerian-nya atau pun pemimpin² belia-nya supaya betul² memimpin belia² ini, kalau tidak, belia² itu tidak dapat di-beri tugas² yang penting. Belia² Melayu terutama sa-kali ta' dapat di-bohongi lagi, kerana belia² Melayu ini telah sedar tahun 1969 mereka itu telah sedar, tahun 1969 mereka itu telah sedar ia-itu di-gula²kan. Tahun 1969 mereka telah sedar ia-itu kami juga terutama sa-kali belia² Melayu juga yang tinggal jauh di-belakang, orang lain juga yang maju. Jadi saya harap kalau hendak menggula²kan, atau pun di-gulakan sa-bagai perkakas pada hari ini sudah habis masa-nya.

Berkenaan dengan pemuda ini mesti di-beri betul² lathan ia-itu lathan² menjadi penganjor pada hari akan datang, sebab penganjor² macham ini akan lenyap tidak

lama lagi. Pemuda² ini-lah yang akan memimpin yang lebih muda daripada dia. Jadi mereka mesti-lah di-beri training yang sa-benar²-nya bukan sahaja saya menyatakan belia² buroh, tetapi belia² atau pun pemuda² yang lulus di-universiti² mesti-lah di-beri training menjadi pemimpin pada hari yang akan datang.

Berkenaan dengan apa yang di-katakan oleh kawan saya tadi, berkenaan dengan kesenian dan kebudayaan di-negeri ini, di-Malaysia ini mesti-lah ada base-nya. Foundation-nya bukan berma'ana culture China akan habis, culture India akan habis, sebab culture India itu memang ada dalam culture orang Melayu, sebab pada masa dahulu orang India ini ia-itu daripada India di-namakan Karmin ia-itu negeri Keling dahulu ada juga Kalinga, satu negeri yang besar di-negeri India sana kebudayaan-nya masuk ka-mari. Jadi memang ada kebudayaan Kalinga, kebudayaan-nya di-sini. Bagitu juga termasuk China Emperor Ming Dynasty, Chin Dynasty 500 tahun dahulu sudah masuk di-negeri kita ini. Tengok temple-nya berapa banyak sudah masuk dalam kebudayaan kita tetapi base-nya, foundation-nya. Saya perchaya orang China dan orang India di-sini mesti-lah mengerti di-negeri ini foundation, asas mesti-lah asas² kemelayuan tidak boleh ka-China, tidak boleh ka-India, tetapi asas-nya ada-lah kemelayuan, Melayu. Pada hari ini saya tengok talivishen, dalam talivishen nyanyian²-nya atau pun tarian² di-masukkan tarian² China, tarian² India, tarian Melayu. Ta' menjadi apa Kerajaan Perikatan tidak melarang tarian India, tarian China, tidak melarang tarian Orang Asli, tarian² daripada Sabah, tarian daripada Sarawak, ada-kah di-tahan? Saya hairan, chukup hairan bagaimana takut perasaan² parti lawan, selalu takut. Takut yang culture-nya akan habis, culture itu akan habis, bahasa-nya akan habis. Selalu perkauman² yang di-bawa ka-mari oleh kerana takut, dan selalu takutkan. Yang sa-benar-nya dia takut momok, momok itu tidak ada. Dia takutkan hantu, hantu itu tidak ada, dia takutkan jin, jin pun ta' ada. Jadi selalu perasaan takut oleh kerana orang yang takut ini ada sebab salah-nya, ada salah²-nya sebab salah-nya. Kalau tidak begitu dia tidak takut dudok di-dalam negeri ini.

Lagi berkenaan pemuda. Pemuda ini, Tuan Pengerusi, bukan sahaja di-Kuala Lumpur pusat-nya. Di-Kuala Lumpur ada

perkumpulan pemuda, hari² ada perkumpulan pemuda, tetapi yang penting-nya sekali ia-itu pemuda² yang di-daerah², di-mukim². Ini yang penting sa-kali, baik pemuda China kita hendak jadikan satu bangsa Malaysia pada hari akan datang. Betul², bukan-nya olok² ini, menjadikan bangsa Malaysia yang akan datang pada satu hari yang akan datang, Melayu, kalau macham mana pun kita mempunyai spirit, orang Melayu tetapi pada satu hari yang akan datang, ini fact, menjadi kita semua akan menjadi orang Malaysia. Itu sudah tidak boleh lagi di-elak, baik China, baik India, baik orang Melayu. Jadi pada hari itu kita mesti siap sedia melateh pemuda² baik di-mukim, di-daerah, di-kampung, orang China, orang India di-adakan satu tempat di-mana mereka itu boleh berkumpul dan saya harap pada tiap² tahun di-adakan Hari Pemuda, Hari Belia di-mana belia² diseluruh negara kita ini berkumpul di-satu tempat, baik di-Kuala Lumpur, baik di-mana, baik di-tiap² Negeri di-adakan Hari Belia atau Hari Pemuda macham mana di-adakan hari kanak² di-adakan hari belia.

Jadi kalau sa-kira-nya benar² di-adakan pada satu hari akan datang, ta' dapat di-elakkan lagi, ia-itu munchul-lah satu bangsa yang di-namakan bangsa Malaysia.

Berkenaan dengan orang² China, di-sini orang² China saya tahu, sebab saya belajar juga di-negeri China dahulu. Orang² China memang very proud. Apa yang dia proud ia-itu four thousand years of civilization, orang India mengatakan three thousand years of civilization. Orang Melayu nanti dia kata no civilization. Jadi sekarang apabila mereka sudah menjadi orang Malaysian, four thousand years of civilization janganlah ingat. Three thousand years orang India punya civilization jangan ingat-lah. Yang civilization yang kita mesti ingat ia-lah Malaysian civilization. Yang tiga culture yang ada di-negeri kita ini di-satukan. Dengan ada-nya foundation, atau base ia-itu foundation orang Melayu. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Perbekalan 15—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dan saya ingin berchakap butiran (2)—Kebudayaan.

Dato Pengerusi, perkara ini ada-lah satu perkara yang amat rumit dan bermacam² fikiran di-bawa ka-Dewan ini dan juga di-luar. Berkenaan hendak membentok kebudayaan kebangsaan, pada pandangan saya ada-lah satu perkara yang saya ingat sesuai tetapi buat permulaan, Dato Pengerusi, saya shorkan supaya di-adakan Panggong Negara dengan sa-chepat mungkin, kerana, kalau kita melawat negara² lain, kita dapati ada sa-buah Panggong Negara yang mana di-pertunjokkan bermacam² kebudayaan, tarian, nyanyian dan juga muzik. Jadi dengan ini dapat-lah di-salorkan semua kebudayaan suku² bangsa mudah²an dapat di-jadikan sa-bagai kebudayaan kebangsaan.

Yang kedua, Dato Pengerusi, saya berasa sangat terharu dengan ada-nya kebudayaan aliran luar, ia-itu yang kita semua tahu berkenaan dengan hippis, yang mana jikalau pehak Kerajaan tidak mengambil tindakan tegas supaya mempertahankan daripada berkembang-nya kebudayaan hippis, saya per-chaya pada masa hadapan negara kita akan menjadi hanchor kerana kebudayaan yang sa-macam ini akan merugikan negara kerana bukan sahaja mereka ini simpan rambut panjang, atau simpan misai dan janggut, tetapi ada perkaitan-nya dengan maksiat² yang lain; dengan menghisap ganja, menggunakan chandu, heroin dan morphine. Jadi, kita dapat orang ini suka kapada perkara yang sa-macam ini dan mereka ini tidak perchaya kapada Tuhan, kebanyakannya, sa-bagaimana kita kata free thinker.

Jadi, jikalau kita biarkan tentu jahanam, kerana Rukunegara kita—yang pertama Perchayakan kapada Tuhan, tetapi kebanyakan orang ini tidak menghiraukan berkenaan dengan ada-nya Tuhan. Mereka ini suka hidup dalam keadaan khayal, angan² dan tidak suka bekerja, chuma hidup berasaskan kapada harapan, bantuan dan pemberian daripada orang lain. Jadi, saya harap-lah pehak Kerajaan akan bersungguh² mengambil perhatian di-atas perkara ini dan membuat satu undang² supaya mengharamkan kegiatan yang sa-macam ini. Jika tidak tentu sa-kali akan merosakkan negara kita. Sa-bagaimana kita sedia ma'alom negara jiran kita, Singapura telah pun mengambil langkah yang tegas di-atas perkara ini; saya harap Kerajaan akan juga mengambil tindakan.

Yang ketiga, Dato Pengerusi, kebudayaan ini ada-lah berkaitan dengan Bahasa Kebangsaan dan bahasa pertuturan daripada penduduk². Saya merasa sangat dukachita mendengar beberapa orang ahli, pensharah², ahli² penerbit, ahli² pujangga, yang menegenipikan penggunaan bahasa Kebangsaan yang sa-benar²-nya ia-itu bahasa Kebangsaan yang tulin yang maseh di-pergunakan dengan sa-luas-nya. Saya mengambil peluang menguchapkan tahniah kapada Pemberita² Talivishen, Radio yang menggunakan bahasa Melayu yang sa-luas²-nya yang di-fahamkan oleh semua warganegara kita. Ada yang sa-tengah² menggunakan perkataan bahasa Inggeris dengan menambahkan "i" di-hujong-nya. Jadi toleransi-lah, implikasi-lah, aktiviti-lah, jenerasi-lah dan struktur. Perkataan "struktur", saya pun tidak tahu. Jadi, chara pemakaian bahasa luar ini merosakkan bahasa kita dan orang tidak faham.

Saya harap-lah daripada pehak² orang kita yang hendak menggunakan bahasa ini, kalau bahasa Melayu tidak ada langsung, gunakan-lah sa-bagaimana "Radio", "Talivishen", "Motor Car", "Talipon" dan lain², tetapi jika bahasa Melayu ada, kenapa kita hendak pakai bahasa Inggeris dengan membubuhkan "i" di-hujong-nya. Orang Inggeris gunakan bahasa lain sebab tidak ada dalam bahasa dia, tetapi dia tidak pinda ejaan. Dalam kamus Inggeris pun kalau "amok" bahasa Melayu kata, "amok" dalam kamus Inggeris kata; ejaan dia tidak di-pinda. Kalau di-gunakan "Restaurant", perkataan tulisan huruf "Restaurant" itu "Restaurant". Rendezvous di-tulis ejaan bagitu, dia tidak ubah. Mithal-nya perkataan "reaksi". Ertinya "tindak balas", kenapa hendak gunakan perkataan "reaksi". Kalau tidak ada, kataan "reaction" terus, kita boleh guna. Ini-lah perkara yang merosakkan bahasa Kebangsaan, Dato' Pengerusi. Saya harap pehak Kerajaan akan mengadakan sa-buah badan, badan yang menguasai penggunaan bahasa Kebangsaan, dengan membenarkan badan ini saperti Dewan Bahasa dan Pustaka-kah, siapa-kah. Kerajaan beri kuasa penoh bahasa ini boleh di-pakai dengan ejaan-nya bagini. Jadi, ini akan menyelamatkan orang yang bukan Melayu mempelajari bahasa Melayu dengan sampurna dan dengan penoh minat.

Dato' Pengerusi, saya ingin berchakap berkenaan dengan Aktiviti (3)—Belia. Jadi, banyak-lah ranchangan² yang telah pun

di-buat untuk belia ini, tetapi maseh lagi saya mendapati tidak begitu penoh, tidak begitu lengkap dan apa yang saya berharap supaya di-beri banyak lagi peluang² kepada belia² ini untuk mendapat latehan² dengan sa-chara under-study, sa-bagaimana yang kita dapati di-adakan di-lain² negeri kerana dalam negara kita ini kita mempunyai beratus² perusahaan. Jadi, saya harap pehak Kementerian ini supaya mengadakan satu undang² tiap² perusahaan itu akan meng-untukkan beberapa peratus daripada pekerja-nya supaya dapat belia² yang tidak mempunyai kemahiran langsung masuk berkhidmat di-dalam faktori itu sa-bagai under-study. Kalau sa-orang itu dia-nya kita kata menguruskan berkenaan dengan satu jentera, belia yang baharu masuk ini kita rapatkan dengan orang ini, belajar sa-hingga dia mahir berkenaan dengan urusan menjalankan jentera ini, sa-lama enam bulan mithal-nya dan di-beri bantuan atau subsidi oleh Kerajaan untuk hendak memberi peluang mendapat pengalaman. Manakala dia sudah mendapat pengalaman, di-beri surat akuan orang ini, sudah di-lateh oleh perusahaan ini dan telah lulus berkenaan dengan jentera letrik, jentera perkapalan dan lain², maka mudah-lah bagi belia ini mendapat kerja di-lain² tempat. Jadi, saya harap pehak Kementerian ini akan mengambil perhatian sa-macham itu.

Lagi satu, berkenaan dengan Latehan Kegiatan Belia, juga patut di-adakan chara perkumpulan². Ada di-antara belia² yang chenderong mengenai ternakan. Sa-puluh orang satu kumpulan di-beri kursus yang sa-penoh-nya berkenaan dengan Ilmu Ternakan Ayam. Lagi sa-puluh orang pula di-beri kursus berkenaan dengan menangkap ikan, sa-puluh orang lagi berkenaan dengan menanam sayur dan sa-puluh orang lagi berkenaan dengan menanam buah²an. Dengan sa-chara ini, Dato' Pengerusi, di-beri pengalaman dan pelajaran yang sa-penoh²-nya kepada belia² kita supaya chukop ilmu pengetahuan, dapat mereka itu berdiri di-atas kaki sendiri.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya ingin sentoh berkenaan sokan. Perkara menubuhkan Majlis Sokan ini sudah pun di-suarakan beberapa kali, baharu ini-lah kita dengar, tertuboh-nya Majlis Sokan bagi Peringkat Pusat. Apa yang di-harapkan supaya Majlis Sokan ini di-tubuhkan, bukan sahaja di-peringkat pusat bahkan di-tiap² daerah yang

ada di-dalam negara kita ini, kemudian di-tubuhkan di-peringkat negeri. Kalau di-tubuhkan di-peringkat pusat sahaja dan tidak ada Majlis² Sokan daripada peringkat bawah, saya percaya tidak dapat kita menyelaraskan apa juga ranchangan² untuk hendak memberi peluang kepada belia² kita mengambil bahagian di-dalam sokan ini kerana jikalau kita bersungguh² di-atas perkara ini dapat-lah kita menahankan belia² daripada champor menjalankan kerja² yang tidak berfaedah kepada mereka itu. Sekian-lah, Dato' Pengerusi. Terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong belanjawan yang di-minta oleh Menteri yang berkenaan. Saya chuma berchakap sedikit sahaja, Dato' Pengerusi. Saya sangat kesal atas ucapan yang di-buat oleh pehak Parti Pembangkang daripada DAP dan Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat, berhubung dengan mereka menghendaki Kebudayaan Malaysia ini berprinsip, berunsor macham rojak.

Sa-lain daripada itu, sa-belum saya berikan hujjah-nya, Dato' Pengerusi, gemar saya menyampaikan tahniah kepada Kerajaan yang telah mengadakan Kongres Kebudayaan. Yang menghadhiri Kongres Kebudayaan ini ia-lah pakar² dalam bahagian kebudayaan, bukan sahaja orang Malaysia, termasuk pakar daripada orang China dan orang India telah membuat satu rumusan. Rumusan ini telah di-hantarkan kepada Kerajaan dan Kerajaan akan beri perhatian.

Saya harap Kerajaan akan melaksanakan rumusan daripada Konggres Kebudayaan itu dengan chara berperingkat² dan hendaklah di-tentukan satu matlamat masa bila dapat kita laksanakan. Sebab, Tuan Pengerusi, kebudayaan satu perkara yang sukar hendakkan kerelaan daripada ra'ayat negeri ini. Kita ra'ayat Malaysia telah rela, Tuan, Pengerusi, chabang kebudayaan kita sudah di-terima satu daripada-nya ia-lah bahasa Melayu itu di-jadikan bahasa rasmi dalam negeri ini. Semua ra'ayat sudah terima, ugama² dalam negeri kita ini di-jadikan ugama Islam itu sa-bagai ugama rasmi, dan tidak hapus ugama lain, tidak hapus bahasa lain. Begitu juga-lah kebudayaan ini, kebudayaan Malaysia ini yang hendak menunjukkan keperibadian Malaysia ini teras-nya kebudayaan Melayu dan tidak hapus kebudayaan² yang lain.

Saya sangat dukachita salah sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada DAP dalam usaha warganegara Malaysia daripada keturunan orang China merupakan satu penarekan hendak mengajak orang² di-sini gemarkan kebudayaan Malaysia yang berteraskan Melayu memakai songkok, tiba² Ahli Yang Berhormat itu memberitahu semua masharakat China bahawa MCA sekarang hendak mengajak orang² China seluroh-nya supaya menerima dan memakai songkok. Chara yang bagini, Tuan Pengerusi, tidak sesuai sangat dengan prinsip² Rukunegara kita.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi yang saya hendak bangkitkan dalam kebudayaan ini, Kerajaan hendak-lah tegas pada melaksanakan hasil Konggres Kebudayaan ini bagaimana Kerajaan tegas melaksanakan kehendak² berhubung dengan bahasa dalam negara ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi saya hendak katakan berhubung dengan belia itu. Saya hendak mengingatkan Kerajaan supaya diberikan latehan yang sempurna dan di-banyakan Pusat² Latehan Belia bagaimana yang ada di-Pertak dan belia² yang keluar daripada Pusat Dusun Tua ini, walau pun dia menerima latehan hanya singkat 3 bulan, tetapi memberi kesan kepada jiwa-nya dan memberi kesan kepada tenaga belia.

Dalam usaha melateh belia² ini, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan jangan kita ambil hanya belia² Melayu sahaja, hendak-lah kita ambil belia² yang menchorakkan masharakat Malaysia; ada belia China, ada belia India, sebab kalau orang² China ini kita tinggalkan, Tuan Pengerusi, kesan-nya kurang baik. Mereka liar hati, bila liar hati ini macham² akan terbit kapada fikiran mereka. Mereka akan menerima hasutan² daripada kominis dan di-sini-lah tanggong-jawab pemimpin² India dan China yang ta'at setia dalam negeri ini mendorong belia² mereka supaya memasoki di-mana Pusat² Latehan yang telah di-buat oleh Kerajaan. Pada masa ini sangat kurang mereka itu memasoki latehan² ini, oleh sebab ta'ada usaha dorongan daripada pemimpin² mereka.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, begitu juga dalam ranchangan tanah belia. Kerajaan akan buka banyak tanah² belia dalam negeri ini, hendak-lah juga di-masokkan belia² China dan juga India dalam ranchangan

tanah itu. Jangan kesemua-nya dalam ranchangan itu orang Melayu; kita hendak-lah masokkan orang China dan juga orang India. Kita mahu di-kawasan belia yang akan datang besok, satu masharakat Malaysia yang ada orang China dan ada orang Melayu, dan kita ta' hendak di-tudoh oleh orang² China dan orang India yang menjadi warganegara ini bahawa Kerajaan Perikatan ini menganaktirikan mereka. Pada hal mereka sendiri, Tuan Pengerusi, tidak begitu tertarek dan tidak begitu gemar dengan ada-nya anasir² yang di-datangkan oleh parti² Pembangkang, ini, Tuan Pengerusi, melarang belia² kita ini memasoki di-mana² ranchangan Kerajaan. Saya harap parti² Pembangkang jangan lagi mendewakan² negeri asal mereka. Mereka hendak-lah ingat bahawa Malaysia ini negeri mereka, kebudayaan-nya satu, berteraskan kebudayaan Melayu. Sa-lagi mereka mendewa²kan negeri asal-nya, India-nya, China-nya maka sa-lama itu-lah mereka akan menerima satu penyeksaan daripada masharakat ra'ayat Malaysia ini juga.

Dan juga satu tuduhan yang di-buat oleh manusia² yang sa-umpama ini, Tuan Pengerusi, mengatakan bahawa orang Melayu ini ta'ada kebudayaan, orang Melayu in "lanun". Ini satu penghinaan yang besar, tetapi dengan ada konggres kita, Tuan Pengerusi, dengan ada keputusan Kerajaan menerima rumusan konggres ini menunjukkan bahawa pada dunia di-antara manusia² di-dalam dunia yang di-jadikan Tuhan, orang Melayu juga ada kebudayaan-nya yang bersendiria.

Jadi dengan keadaan yang sa-macham ini kita tidak sama sa-kali berniat hendak menghapuskan kebudayaan² bangsa asing, yang ada dalam negeri ini, bahkan kebudayaan mereka itu kita akan ambil masok dalam kebudayaan kita, mengkayakan kebudayaan kita ini. Sebab kebudayaan ini ada-lah rela hati daripada tiap² ra'ayat. Saya sangat besar hati, Tuan Pengerusi, boleh di-katakan sabilangan besar ra'ayat negeri ini telah menerima satu chabang kebudayaan, ia-itu dengan memakai baju batek, terima dengan rela baju batek. Ini satu chabang menunjokkan bahawa pakaian Malaysia dalam bentok chorak pakaian batek. Jadi semua orang India, orang China, orang Inggeris telah menerima kebudayaan kita. Kita sangat senang hati, dan saya harap parti² Pembangkang jangan momok²kan masalah ini. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam membahaskan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ia-itu B. 15 ini. Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut tentang Pechahan-kepala 1100 (2) ia-itu Kebudayaan. Yang sa-benar-nya bagaimana yang telah kita dengar bahawa di-negara kita ini selalu ada Konggres² Kebudayaan dan perjumpaan² untuk membincangkan kebudayaan di-negara ini di-adakan dan ini sungguh membanggakan kita sebab kedudukan sekarang, walau pun sedang menchari² tentang bentok² kebudayaan yang lebih jelas, tetapi sa-hingga hari ini maseh belum ketara dengan sa-benar²-nya. Apa yang saya nampak hanya-lah mengatakan bahawa kebudayaan Malaysia ada-lah berteraskan kebudayaan Melayu.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini oleh kerana kebudayaan Melayu ada mengandongi beberapa unsur yang di-champur-adok dari semenjak dahulu dari zaman penjajahan, zaman kemasokan orang² India, zaman kemasokan orang² China, maka sa-benar-nya kebudayaan Melayu pun sa-hingga ini kurang begitu jelas, dan di-sa'at ini, Tuan Pengerusi, saya tidak nampak bahawa pihak Kerajaan menentukan dengan kenyataan² yang lebih ternyata berhubung dengan kebudayaan. Kita tidak nampak bagaimana bentok² kebudayaan yang beraneka unsur, sebab apa yang di-perkatakan kebudayaan banyak berpechah-bagi seperti pakaian, amalan, sikap, tingkah laku dan sa-bagai-nya. Chuma yang kita nampak apakala yang di-sebutkan kebudayaan², maka terlintas-lah kepada kita ia-lah tarian² yang mengandongi unsur² kebudayaan Melayu yang memakai pakaian batak dan memakai kain sarong.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya ingin menyebutkan tentang bagaimana bentok kebudayaan yang di-katakan kebudayaan Malaysia. Dan saya tidak nampak bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada memberi satu kesimpulan yang lebih tepat tentang hal ini untuk diselenggarakan oleh Kementerian² lain. Mithal-nya kalau kita hendak mengatakan bahawa dari segi pakaian kebudayaan Melayu, hendak-lah orang lelaki-nya memakai pakaian bagini, kanak²-nya bagini

dan wanita-nya pula bagini. Ini pun tidak jelas di-buat oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kalau di-tentukan, boleh-lah kita latehkan, mithal-nya di-pihak Kementerian Pelajaran, menentukan dari segi jenerasi kanak² dan jenerasi pertengahan yang memastikan pakaian Melayu. Sa-hingga ini kita dapati pakaian perempuan di-sekolah² maseh tidak jelas. Ada-kah ini yang menggunakan pakaian gaun ini ada-kah ini kebudayaan Melayu atau kebudayaan Malaysia atau apa? Demikian juga pakaian lelaki-nya, seluar panjang-kah, seluar pendek-kah atau bagaimana? Ini, Tuan Pengerusi, perkara yang sa-benar-nya.

Yang Kedua, dalam hal ini juga, saya ingin menyebutkan tentang pakaian perempuan—perempuan sa-chara umum. Apa-kah dia pakaian kebudayaan Melayu? Ada saya lihat kebudayaan Melayu dengan memakai baju kurong, ada di-katakan salah satu pakaian kebudayaan kita. Demikian juga pakaian baju Kedah, kalau ta' silap saya ia-lah pakaian kebudayaan kita. Ada-kah ini benar di-akuī oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kalau ini dinamakan kebudayaan, apa-kah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada menganjurkan supaya pihak Kementerian² lain mengamalkan pemakaian² tentang kebudayaan di-seluruh negara tanpa mengira apa-kah dia orang Melayu, orang China atau pun orang India. Apa yang kita mahu ia-lah penekanan seperti ini dengan melibatkan seluruh masyarakat supaya pihak keseluruhan-nya daripada pihak yang berkuasa memerintahkan hari ini di-pakai oleh pegawai², pekerja²-nya dan masyarakat mengikut perengkat yang demikian. Demikian-lah juga dalam hal² yang lain.

Saya ingin menyebutkan, Tuan Pengerusi, kalangan muda² atau pun jenerasi muda tidak tahu hendak menuju ka-arah mana pemakaian kebudayaan, amalan kebudayaan mereka. Sa-hingga kita dapati di-sana sini banyak di-antara mereka yang berambut panjang, berrmisai, berjanggut dan sa-bagai-nya. Apa-kah ini pun kebudayaan Melayu pun tidak tahu juga, sebab perkara ini tidak di-tentukan oleh beberapa segi, bukan saya mengatakan bahawa berambut panjang itu tidak baik, tetapi kalau berambut panjang

dengan keadaan yang tidak berseih, tidak senonoh dan sa-bagai-nya yang tidak di-ambil hirau oleh Kementerian ini, itu kurang menyenangkan kita, kerana ter-nampak bahawa di-masharakat kita ada orang yang berpenyakit komplek jiwa yang saya rasa tentu semua masharakat kita tidak suka melihat. Apa-tah lagi kalangan doktor² yang mengetahui dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, saya harap pehak Menteri Belia ambil perhatian yang benar², kerana di-dalam negara kita ini 60% ra'ayat ada-lah dari kalangan belia. Jika tidak kita meng-ambil perhatian betul², maka negara kita, jenerasi kita

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat boleh menyambong ucapan-nya apabila meshuarat bersidang semula nanti. Masa sudah sampai sekarang.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 hari Isnin, 31-1-1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.32 petang.